

## BAB III

### I'JA:Z AL-QUR'A:N

#### 3.0 Pendahuluan

Dalam bab ini penulis membincangkan i'ja:z al-Qur'a:n sebagai satu disiplin ilmu. Perbincangan akan meliputi definisi i'ja:z al-Qur'a:n, perbandingan antara mukjizat dengan i'ja:z, dalil-dalil al-Qur'an berhubung cabaran (ayat taḥa:ddi:), sejarah perkembangan ilmu i'ja:z al-Qur'a:n dan dimensi-dimensi i'ja:z al-Qur'a:n.

Penulis meninjau sejarah perkembangan disiplin ilmu i'ja:z al-Qur'a:n secara umum dengan menggunakan kaedah persampelan. Penulis juga menganalisis polemik sarjana Islam tentang kepelbagaian dimensi i'ja:z al-Qur'a:n dan mengemukakan pandangan yang dikira kuat berhubung persoalan ini.

Seterusnya penulis akan membentangkan dimensi-dimensi i'ja:z al-Qur'a:n satu persatu iaitu i'ja:z baya:niyy, i'ja:z perkara ghaib, i'ja:z ilmiah, i'ja:z psikologi, i'ja:z pensyariatan dan diakhiri dengan i'ja:z penggunaan angka ('adadiyy).

### 3.1 Pengertian Mukjizat Dan I'jaz al-Qur'an.

Mukjizat dan i'jaz adalah dua istilah yang sering digunakan dalam kajian i'jaz al-Qur'a:n.

#### 3.1.1 Pengertian I'jaz Dan Mukjizat Dari Segi Bahasa

Kedua-dua perkataan i'jaz dan mukjizat adalah kata terbitan yang berasal daripada kata dasar (أَعْجَزَ، فَهُوَ مُعْجَزٌ). Menurut Ibn Manzu:r kata kerja مُعْجَزٌ membawa maksud pihak yang menang dan kuat menewaskan dan melemahkan musuhnya. Ia juga diertikan dengan الْفَوْتُ وَاَلْسَبْقُ iaitu terlepas, mengatasi atau mendahului seperti bayt syair al-A'sya:

فَلَاكَ وَلَمْ يُعْجَزْ مِنَ الْمَوْتِ رَبُّهُ      وَلَكِنَّ آتَاهُ الْمَوْتَ لَا يَتَأَبَّقُ

Terjemahan:

Itulah dia. Tidak ada yang terlepas dari maut Tuhannya

#Akan tetapi mati itu akan datang dan ia tidak akan dapat melepaskan diri.<sup>1</sup>

Perkataan mu'jiz (مُجِزٌ) adalah kata nama pelaku (ism fa'il) bagi kata kerja مُعْجَزَ manakala ta' marbu:taṭ pada kata nama 'mu'jizat' membawa maksud kepalingan (muba:laghaṭ) iaitu golongan kafir menjadi sangat lemah di hadapan mukjizat Nabi (s.a.w) dan tidak mampu untuk menolak dan melawannya, maka dengan ini mereka ditewaskan.<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Ibn Manzu:r (1994), *op.cit.*, j.7, hal. 236.

<sup>2</sup> 'Abba:s (1991), *op.cit.*, hal. 28, Muslim (2005), *op.cit.*, hal. 14, al-Kha:lidiyy (1992), *op.cit.*, hal. 18.

### 3.1.2 Mukjizat Dari Segi Istilah

Terdapat pelbagai terminologi yang diberikan oleh ulama kajian al-Qur'an berkaitan mukjizat. Al-Suyu:ṭiyy (m 911H) menyebut mukjizat sebagai perkara luar biasa disertai dengan cabaran dan selamat dari penentangan.<sup>3</sup> Definisi yang hampir sama diberikan oleh al-Zarqa:niyy, Muḥaysi:n, al-Qaṭṭa:n dan 'Itir.<sup>4</sup> Definisi ini tidak mengaitkan mukjizat dengan dakwaan kenabian, justeru ia tidak lengkap ia boleh berlaku kepada sesiapa sahaja asalkan ianya tidak dapat ditandingi dan diatasi.

Al-Jurja:niyy, 'Aliyy (m 816H) pula menyebut mukjizat sebagai perkara luar biasa, yang menyeru kepada kebaikan dan kebahagiaan, disertakan dengan dakwaan kenabian, bertujuan membuktikan kebenaran manusia yang mengaku dirinya sebagai utusan Allah disertai dengan cabaran, selamat dari sebarang penentangan walaupun manusia mahu menentangnya.<sup>5</sup> Terminologi yang hampir sama turut diberikan oleh al-Baghda:diyy (m 429H) dan al-Ṣa:bu:niyy (m 580H).<sup>6</sup> Daripada definisi yang diberikan oleh tokoh-tokoh di atas penulis mendapati mereka memasukkan elemen cabaran dalam definisi mukjizat.

Terdapat juga sebahagian penulis yang tidak memasukkan elemen cabaran dalam definisi mereka seperti 'Abba:s dan al-Kha:lidiyy. 'Abba:s menyebut mukjizat sebagai perkara yang menunjukkan Allah membenarkan orang yang mengaku sebagai Rasul atau sokongan Allah kepada orang yang mengaku Nabi dengan menyokong

---

<sup>3</sup> al-Suyu:ṭiyy (2000), *op.cit.*, j. 2, hal. 228.

<sup>4</sup> al-Qaṭṭa:n (1992), *op.cit.*, hal. 259, 'Itir (1993), *op.cit.*, hal. 191, al-Zarqa:niyy (1995), *op.cit.*, j. 1, hal. 66, Muḥaysin (2002), *op.cit.*, hal. 13.

<sup>5</sup> al-Jurja:niyy (1987), *op.cit.*, hal. 195.

<sup>6</sup> al-Baghda:diyy (2002), *op.cit.*, hal. 338, al-Ṣa:bu:niyy (1969), *op.cit.*, hal. 88.

dakwaannya untuk dipercayai oleh mereka yang menerima seruan Nabi tersebut.<sup>7</sup>  
Al-Kha:lidiyy juga memberikan definisi yang hampir sama.<sup>8</sup>

Menurut Kamus Dewan mukjizat bermaksud kejadian luar biasa kurniaan Allah kepada para Nabi dan Rasul untuk membuktikan kebenaran mereka. Definisi ini tidak memasukkan elemen cabaran.<sup>9</sup>

Penulis melihat meskipun terdapat pelbagai interpretasi yang dikemukakan, namun tidak terdapat perbezaan dari segi ciri-ciri dan syarat-syaratnya kecuali aspek cabaran dan kenabian. Daripada definisi-definisi yang dikemukakan dapatlah penulis menyimpulkan mukjizat ialah perkara menyalahi adat yang berlaku pada manusia yang mengaku sebagai Nabi sama ada mempunyai unsur cabaran bagi golongan yang menentangnya atau tidak mempunyai unsur cabaran sebagai bukti kenabian.

### 3.1.3 Definisi I'ja:z al-Qur'a:n

Terdapat beberapa definisi i'ja:z al-Qur'a:n yang disebut oleh sarjana, antaranya:

Menurut 'Abd al-Jabba:r (m 415H), i'ja:z al-Qur'a:n bermaksud ketidak mampuan orang-orang Arab dahulu menandingi al-Qur'an dari segi kelancaran bahasa (fa:sha:hat) meskipun kefasihan suatu yang biasa dengan mereka.<sup>10</sup>

Definisi yang hampir sama diberikan oleh al-Kha:lidiyy dengan beberapa perincian. Menurutnya i'ja:z al-Qur'a:n ialah kelemahan orang Arab yang tidak beriman, yang hidup pada zaman penurunan al-Qur'an daripada menentang al-Qur'an.

---

<sup>7</sup> 'Abba:s (1991), *op.cit.*, hal. 21.

<sup>8</sup> al-Kha:lidiyy (1992), *op.cit.*, hal. 23.

<sup>9</sup> Kamus Dewan Edisi Baru (1993), hal. 905.

<sup>10</sup> 'Abd al-Jabba:r (195-), *op.cit.*, j. 16, hal. 226.

Sekalipun mereka berada pada tahap penguasaan bahasa tersebut dan terkenal dengan ketinggian balaghah serta mempunyai sebab untuk menentang, mereka tetap tidak dapat mendatangkan sesuatu yang setanding dengan al-Qur'an. Cabaran untuk mendatangkan sesuatu yang setanding dengan al-Qur'an adalah berterusan sehingga qiamat. Kelemahan ini meliputi semua orang kafir dimana sahaja mereka dan tanpa mengira bangsa dan keturunan.<sup>11</sup>

Definisi yang diberikan oleh 'Abd al-Jabbar dan al-Khalidiy menunjukkan mereka membataskan i'jaz al-Qur'an kepada aspek balaghah dan faṣaḥah sahaja. Pandangan ini merupakan pandangan beberapa sarjana moden yang melihat i'jaz al-Qur'an hanya pada aspek balaghah sahaja. Pandangan ini akan dibincangkan oleh penulis semasa menganalisis polemik ilmunan berhubung kepelbagaian dimensi i'jaz al-Qur'an.

Al-Zarqaniyy pula mendefinisikan i'jaz al-Qur'an sebagai satu ilmu yang menerangkan tentang bagaimana sifat al-Qur'an yang melemahkan dan mencabar makhluk-makhluk Allah yang lain untuk mendatangkan sesuatu yang sepertinya.<sup>12</sup>

Ammar Fadzil pula mendefinisikan i'jaz dalam konteks al-Qur'an adalah menampakkan kebenaran Nabi dalam pengakuannya sebagai seorang rasul, dengan menampakkan kelemahan orang Arab dalam menghadapi mukjizat al-Qur'an yang bersifat kekal.<sup>13</sup> Definisi yang diberikan oleh Ammar Fadzil membataskan i'jaz kepada kelemahan orang Arab sedangkan kelemahan adalah kepada seluruh manusia.

---

<sup>11</sup> al-Khalidiy (1992), *op.cit.*, hal. 33.

<sup>12</sup> al-Zarqaniyy (1996), *op.cit.*, j. 2, hal. 573.

<sup>13</sup> Ammar Fadzil (2007), *op.cit.*, hal. 158.

Dari definisi yang telah disebut, penulis menyimpulkan i'ja:z al-Qur'a:n sebagai satu ilmu yang membincangkan tentang dimensi-dimensi i'ja:z yang dapat melemahkan manusia sama ada berbentuk cabaran atau tidak, yang menjadi bukti kebenaran kerasulan Nabi Muhammad (s.a.w) dan sumber al-Qur'an dari Allah (s.w.t). Kelemahan manusia ini adalah keseluruhannya tanpa mengira bangsa Arab atau bukan Arab. Ini kerana keistimewaan al-Qur'an mengatasi segala kemampuan mereka.

### 3.1.4 Definisi al-Qur'an

Dari segi bahasa para ilmuan berselisih pandangan tentang asal bagi perkataan al-Qur'an tetapi mereka semua bersepakat bahawa al-Qur'an adalah kata nama. Pandangan tersebut ialah:

(a) Imam al-Syafi'iy berpendapat bahawa al-Qur'an adalah kata nama jati (ism ja:mid). Menurutinya sekiranya perkataan al-Qur'a:n diambil dari kata kerja قَرَأَ maka semua yang dibaca boleh dipanggil Qur'a:n.<sup>14</sup>

(b) Al-Liḥya:niyy (m 207H) berpandangan kata al-Qur'an adalah maṣdar dibaca dengan hamzah (قرءان) seperti pola (waza:n) الْقُرْآنُ; berasal daripada kata قَرَأَ yang bermaksud membaca.<sup>15</sup>

(c) Al-Zajja:j berpendapat perkataan al-Qur'an merupakan adjektif mengikut pola فُعْلَانٌ berasal dari perkataan الْقُرْءَانُ yang beerti menghimpunkan.<sup>16</sup> Dinamakan demikian kerana al-Qur'an menghimpunkan segala kandungan kitab terdahulu. Juga dikatakan demikian kerana di dalam al-Qur'an terdapat pelbagai jenis ilmu.<sup>17</sup>

<sup>14</sup> al-Baghda:diyy (1900), *op.cit.*, j. 2, hal. 62, al-Bayhaqiyy (1971), *op.cit.*, j. 1, hal. 277.

<sup>15</sup> al-Suyu:ṭiyy (2000), *op.cit.*, j. 1, hal. 150.

<sup>16</sup> al-Zarkasyiyy (1994), *op.cit.* j. 1, hal. 374.

<sup>17</sup> al-Suyu:ṭiyy (2000), *op.cit.*, j. 1, hal. 52, al-Zarkasyiyy (1994), *ibid.*

(d) Al-Farra:’ pula berpendapat al-Qur’an berasal dari perkataan **قُرْآنٌ** yang merupakan kata nama jamak kepada perkataan **قَرِينَةٌ** yang bermaksud pertalian. Ini kerana ayat-ayat al-Qur’an hampir serupa antara satu sama lain seolah-olah setiap ayat ada pertalian di antara satu sama lain.<sup>18</sup>

(e) Menurut ‘Abba:s, majoriti sarjana berpandangan al-Qur’an berasal dari perkataan **قَرَأَ** yang bermaksud membaca berasaskan firman Allah (s.w.t):

إِنَّ عَلَيْنَا جَمْعَهُ وَقُرْآنَهُ ﴿٧٥﴾ فَإِذَا قَرَأْتَهُ فَاتَّبِعْ قُرْآنَهُ ﴿٧٦﴾

Sesungguhnya atas tanggungan kamilah mengumpulkannya (di dadamu) dan (membuatmu pandai) **membacanya**. Apabila kami telah selesai membacakannya, maka ikutilah **bacaannya** itu.

Surah al-Qiya:mat (75):17-18<sup>19</sup>

Manakala al-Qur’an dari segi istilah; ulama usul, para fuqaha’, ahli bahasa dan ulama kalam bersepakat bahawa al-Qur’an adalah merupakan lafaz dalam bahasa Arab yang i’ja:z diturunkan kepada nabi Muhammad (s.a.w) melalui perantaraan malaikat Jibril. Al-Qur’an diriwayatkan secara mutawatir dan pembacaannya dikira sebagai ibadah.<sup>20</sup>

<sup>18</sup> al-Suyu:tiyy (2000), *op.cit.*, j. 1, hal. 53.

<sup>19</sup> ‘Abba:s (2007), *op.cit.*, hal. 33.

<sup>20</sup> al-Zarqa:niyy (1996), *op.cit.*, hal. 14-15, ‘Abba:s (1997) *op.cit.*, j. 1, hal. 53, Abdul Manam (2010) dalam *I’ja:z al-Qur’a:n Satu Pendekatan Dalam Menghayati al-Qur’an*, Jurnal Darul Quran, Bil. 14, hal. 23.

### 3.2 Perbandingan Mukjizat Dengan I'jaz al-Qur'a:n.

Penelitian menunjukkan terdapat beberapa perbezaan antara mukjizat dan i'jaz al-Qur'a:n.

1. I'jaz al-Qur'a:n tidak berpisah dengan wahyu itu sendiri. Ini berbeza dengan kitab-kitab lain seperti Taurat dan Injil yang tidak mencabar pengikutnya dari mendatangkan sesuatu yang setanding dengannya. Al-Qur'an yang diturunkan kepada Nabi Muhammad (s.a.w) menjadi bukti kenabian dan kerasulan Nabi Muhammad (s.a.w). Menurut Ibn Khaldun, perkara luar biasa yang berlaku pada Nabi-nabi terdahulu bukanlah pada wahyu yang diterima oleh mereka, sebaliknya mereka datang dengan mukjizat lain yang menyaksikan kebenaran seruan mereka. Ini berbeza dengan al-Qur'an yang merupakan wahyu dan pada masa yang sama al-Qur'an sendiri perkara luar biasa yang melemahkan dan bukti kenabian itu ada pada al-Qur'an itu sendiri dan tidak memerlukan kepada bukti-bukti yang lain.<sup>21</sup> Ibn Khaldun menyokong fakta yang disebutkan dengan hadith Nabi (s.a.w):

"مَا مِنْ الْأَنْبِيَاءِ إِلَّا أُعْطِيَ مَا مِثْلُهُ آمَنَ عَلَيْهِ الْبَشَرُ، وَتَمَّ مَا كَانَ الَّذِي أُوتِيَهُ وَحِيًّا  
وَوَحَاهُ اللَّهُ لِي، فَرَجَوَ أَنْ أَكُونَ أَكْثَرَهُمْ تَابِعًا يَوْمَ الْقِيَامَةِ."

Mana-mana Nabi yang diutuskan akan diberi bersamanya sesuatu yang menyebabkan manusia beriman, aku diberikan wahyu oleh Allah, dan aku berharap aku mempunyai pengikut paling ramai.<sup>22</sup>

2. I'jaz al-Qur'a:n adalah sesuatu yang berterusan yang dapat disaksikan kebenarannya sepanjang zaman berbanding mukjizat-mukjizat lain yang berlaku pada zaman Nabi tertentu.

3. Mukjizat yang lain lebih berbentuk hissiyah dan meliputi perkara-perkara yang luar biasa dari segi sunnah kejadian alam seperti api menjadi sejuk, pohon kurma yang boleh bertutur sedangkan i'jaz al-Qur'a:n dapat diketahui berdasarkan tahap pemikiran

<sup>21</sup> Ibn Khaldun (1996), *op.cit.*, hal. 106-107.

<sup>22</sup> Hadith riwayat al-Bukhari:riyy, no. hadith 4981, 7274, riwayat Muslim, no. hadith 239.



seseorang. Dengan bertambahnya pengetahuan seseorang tentang alam semesta maka semakin bertambah keyakinan seseorang tentang i'jaz al-Qur'a:n iaitu melalui i'jaz ilmiah.<sup>23</sup>

Berasaskan perbezaan-perbezaan dan keistimewaan ini, penulis melihat keperluan untuk membezakan antara istilah i'jaz dan mukjizat. Perkataan i'jaz lebih sinonim dengan al-Qur'an berbanding mukjizat yang lain. Penulis melihat keperluan untuk membezakan antara dua istilah ini supaya perbincangan tentang i'jaz tidak terlalu meluas sehingga beberapa ilmuan mengaitkan perkataan i'jaz dengan hadith. Justeru i'jaz merupakan istilah khusus bagi al-Qur'an dan tidak disandarkan kepada mukjizat-mukjizat yang lain.

### 3.3 Dalil-Dalil Berkaitan Dengan Cabaran

Semasa al-Qur'an diturunkan, mereka yang mengingkari kebenaran al-Qur'an mendakwa al-Qur'an sebagai ciptaan Muhammad (s.a.w) atau manusia lain.<sup>24</sup> Mereka juga cuba melempar pelbagai tuduhan terhadap al-Qur'an tetapi semuanya gagal. Akhirnya mereka mendakwa al-Qur'an sebagai sihir.<sup>25</sup> Namun semua dakwaan ini tidak ada asasnya dan akhirnya mereka menghalang orang ramai dari mendengar al-Qur'an tetapi usaha tersebut gagal.<sup>26</sup> Mereka seterusnya meminta dari Muhammad (s.a.w) untuk mengubah atau menggantikan al-Qur'an dengan al-Qur'an yang lain tetapi ia ditolak kerana al-Qur'an merupakan wahyu dan bukannya ciptaan Muhammad (s.a.w).<sup>27</sup>

---

<sup>23</sup> ' Itir (1993), *op.cit.*, hal. 194-196, ' Zarzu:r (2003) *Bayna: Mafhu:m al-Mu' jizat wa i'jaz al-Qur'a:n* dalam Abu: Hassan et al (2003), *Dira:sa:t Isla:miyyat wa Arabiyyat, Muhda:t Ila: al-Alla:mat al-Usta:dh al-Duktu:r Faql Hasan Abba:s Bimuna:sabat Bulu:ghih al-Sab'i:n*, Amman: Da:r al-Ra:ziyy.

<sup>24</sup> Surah al-Furqan (25):4-6.

<sup>25</sup> Surah al-Muddathir (74):16-26.

<sup>26</sup> Surah Fuşşilat (41): 26.

<sup>27</sup> Surah Yu:nus (10): 15-17.

Setelah segala usaha mereka gagal akhirnya mereka membuat dakwaan baru bahwa mereka mampu mendatangkan suatu yang setanding dengan al-Qur'an. Firman Allah (s.w.t):

وَإِذَا تَتَلَىٰ عَلَيْهِمْ ءَايَاتُنَا قَالُوا قَدْ سَمِعْنَا لَوْ نَشَاءُ لَقُلْنَا مِثْلَ هَذَا ۖ إِنْ هَذَا إِلَّا أَسَاطِيرُ الْأَوَّلِينَ (31)

Dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayat kami, mereka berkata: "Sesungguhnya kami telah mendengar (ayat-ayat yang seperti ini), kalau kami menghendaki nescaya kami dapat membacakan yang seperti ini, (al-Qur'an) Ini tidak lain hanyalah dongeng-dongengan orang-orang purbakala".  
Surah al-Anfa:l (8):31

Ayat ini menunjukkan golongan yang menentang al-Qur'an mendakwa mereka mampu untuk menandingi al-Qur'an. Maka al-Qur'an mencabar mereka supaya mendatangkan sesuatu yang setanding dengan al-Qur'an dengan ayat-ayat yang disebut oleh ilmuan sebagai ayat-ayat tahaddi: (cabaran). Ayat-ayat ini terdiri dari ayat-ayat Makkiyah dan Madaniyyah. Dari ayat-ayat ini dapat disimpulkan al-Qur'an mencabar mereka mendatangkan sesuatu yang sama dengan al-Qur'an diikuti dengan sepuluh surah dan satu surah.

(a) Al-Qur'an mencabar manusia dengan seluruh al-Qur'an dalam bentuk yang umum.

Firman Allah (s.w.t) :

أَمْ يَقُولُونَ تَقَوَّلَهُ<sup>ع</sup> بَلْ لَا يُؤْمِنُونَ (33) فَلْيَأْتُوا بِحَدِيثٍ مِّثْلِهِ إِنْ كَانُوا صَادِقِينَ (34)

(Bukan sahaja mereka ingkar dan degil) bahkan mereka berkata: "Dia (Muhammad) telah mereka-reka al-Qur'an itu". (tuduhan mereka yang demikian tidak berasas) bahkan mereka sengaja tidak mahu beriman!  
(33) (Kalau tidak) maka hendaklah mereka **membuat dan mendatangkan kata-kata (yang fasih dan indah) seperti al-Qur'an** itu, jika betul mereka orang-orang yang benar dakwaannya.(34)

Surah al-Tu:r (52):33-34

Ayat ini menjelaskan golongan kafir mendakwa bahawa Muhammad (s.a.w) menulis al-Qur'an dan dakwaan al-Qur'an dari Allah sebagai palsu. Mereka berkata demikian kerana mereka tidak beriman. al-Qur'an mencabar mereka mendatangkan al-Qur'an seperti kerana mereka berbangsa Arab sebagaimana Muhammad berbangsa Arab dan al-Qur'an diturunkan dalam bahasa Arab. Sekiranya mereka tidak mampu melakukannya, maka jelaslah al-Qur'an merupakan kata-kata Allah yang diwahyukan kepada Muhammad (s.a.w).

(b) al-Qur'an mencabar manusia supaya mencipta sepuluh surah sahaja.

Apabila mereka tidak mampu, al-Qur'an mencabar dengan sesuatu yang lebih mudah iaitu sepuluh surah yang direka.

Firman Allah (s.w.t):

أَمْ يَقُولُونَ افْتَرَاهُ قُلْ فَأْتُوا بِعَشْرِ سُوْرٍ مِّثْلِهِ مُفْتَرِيْنَ وَادْعُوا مَنِ اسْتَضَعْتُمْ  
مِّنْ دُوْنِ اللّٰهِ اِنْ كُنْتُمْ صٰدِقِيْنَ (13) فَاِلٰمٌ يَّسْتَجِيْبُوْا لَكُمْ فَاَعْلَمُوْا اَنَّمَا اُنزِلَ  
بِعِلْمِ اللّٰهِ وَاَنْ لَّا اِلٰهَ اِلَّا هُوَ فَهَلْ اَنْتُمْ مُّسْلِمُوْنَ (14)

Bukan itu sahaja kata-kata mereka bahkan mereka menuduh dengan mengatakan: "Ia (Muhammad) yang mereka-reka al-Qur'an itu!" Katakanlah (Wahai Muhammad): "(Jika demikian tuduhan kamu), maka cubalah buat serta **datangkan sepuluh surah rekaan yang sebanding dengan al-Qur'an itu**, dan panggilah siapa sahaja yang kamu sanggup memanggilnya, yang lain dari Allah, jika betul kamu orang-orang yang benar".(13) Oleh itu, jika mereka (penolong-penolong kamu) tidak dapat melaksanakan permintaan kamu (untuk membuat surah-surah yang sebanding dengan al-Qur'an), maka ketahuilah bahawa al-Qur'an itu diturunkan hanyalah menurut pengetahuan Allah, dan bahawa tidak ada tuhan yang berhak disembah melainkan Allah. setelah (terbukti hakikat yang demikian) maka adakah kamu mengakui Islam dan menurut aturannya?(14)

Surah Hu:d(11):13-14

Ayat ini mengandungi penjelasan sekiranya mereka tidak percaya bahawa al-Qur'an adalah kalamullah dan masih lagi bertegas bahawa al-Qur'an rekaan Muhammad (s.a.w), lalu al-Qur'an mencabar mereka mereka sepuluh surah yang sama

dari aspek gubahan dan gaya bahasa dan bukannya aspek-aspek lain seperti kandungan ayat. Sekiranya mereka tidak mampu, maka ternyata lah kebenaran al-Qur'an dan sepatutnya memandu mereka kepada keimanan dan mendorong mereka memeluk Islam.

(c) Mencabar manusia supaya mendatangkan satu surah sahaja daripada al-Qur'an.

Apabila mereka masih juga tidak mampu, al-Qur'an mencabar dengan peringkat yang lebih rendah iaitu satu surah, tanpa menentukan panjang atau pendek surah tersebut. Mereka boleh mengajak siapa sahaja untuk membantu mereka.

Firman Allah (s.w.t):

وَمَا كَانَ هَذَا الْقُرْآنُ أَنْ يُفْتَرَىٰ مِنْ دُونِ اللَّهِ وَلَكِنْ تَصْدِيقَ الَّذِي بَيْنَ يَدَيْهِ  
وَتَفْصِيلَ الْكِتَابِ لَا رَيْبَ فِيهِ مِنْ رَبِّ الْعَالَمِينَ (37) أَمْ يَقُولُونَ افْتَرَاهُ قُلْ فَأْتُوا  
بِسُورَةٍ مِّثْلِهِ وَادْعُوا مَنْ اسْتَطَعْتُمْ مِنْ دُونِ اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ (38)

Dan bukanlah al-Qur'an ini sesuatu yang boleh diada-adakan oleh yang lain dari Allah; tetapi al-Qur'an itu diturunkan oleh Allah untuk membenarkan kitab-kitab yang diturunkan sebelumnya, dan untuk menjelaskan satu persatu hukum-hukum syarak yang diwajibkan (atas kamu); tidak ada sebarang syak dan ragu-ragu pada al-Qur'an itu tentang datangnya dari Allah, Tuhan yang mencipta dan mentadbirkan sekalian alam.(37) (Orang-orang kafir tidak mengakui hakikat yang demikian itu) bahkan mereka mengatakan: "Dialah (Muhammad) yang mengada-adakan al-Qur'an menurut rekaannya". Katakanlah (Wahai Muhammad): "**Kalau demikian, datangkanlah satu surah yang sebanding dengan al-Qur'an itu**, dan panggillah siapa sahaja yang kamu dapat memanggilnya, yang lain dari Allah (untuk membantu kamu), jika betul kamu orang-orang yang benar!".

Surah Yu:nus (10):37-38

Walaupun manusia berusaha untuk menandingi al-Qur'an, manusia tidak akan mampu melakukannya seperti yang ditegaskan oleh Allah (s.w.t) dalam surah al-Baqarat:

وَإِنْ كُنْتُمْ فِي رَيْبٍ مِّمَّا نَزَّلْنَا عَلَىٰ عَبْدِنَا فَأْتُوا بِسُورَةٍ مِّثْلِهِ وَادْعُوا  
 شُهَدَاءَكُمْ مِنْ دُونِ اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ (23) فَإِنْ لَمْ تَفْعَلُوا وَلَنْ تَفْعَلُوا  
 فَأْتُوا نَارَ الَّتِي وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ أُعِدَّتْ لِلْكَافِرِينَ (24)

Dan kalau kamu ada menaruh syak tentang apa yang Kami turunkan (al-Qur'an) kepada hamba Kami (Muhammad), **maka cubalah buat dan datangkanlah satu surah yang sebanding dengan al-Qur'an itu**, dan panggillah orang-orang yang kamu percaya boleh menolong kamu selain dari Allah, jika betul kamu orang-orang yang benar.(23) Maka kalau kamu tidak dapat membuatnya, dan sudah tentu kamu tidak dapat membuatnya, maka peliharalah diri kamu dari api neraka yang bahan-bahan bakarannya: manusia dan batu-batu (berhala), (iaitu neraka) yang disediakan untuk orang-orang kafir.(24)

Surah al-Baqaraṭ (2):23-24

Surah al-Baqaraṭ merupakan surah Madaniyah dan ayat ini merupakan ayat yang terakhir berkaitan cabaran. Ayat ini menjelaskan ketidak mampuan mereka untuk menentang al-Qur'an secara total dengan menyebut *وَلَنْ تَفْعَلُوا* yang bermaksud kamu sekali-kali tidak akan dapat membuatnya.

Berhubung dalil-dalil cabaran ini timbul satu persoalan di kalangan sarjana Islam, apakah cabaran-cabaran ini berperingkat-peringkat dari segi kuantiti atau cabaran adalah dari aspek kualiti? Berhubung persoalan ini terdapat beberapa pandangan:

(a) Majoriti sarjana tafsir dan ahli balaghah berpendapat cabaran-cabaran ini berlaku secara berperingkat-peringkat bermula dengan surah al-Tu:r yang mencabar dengan keseluruhan al-Qur'an diikuti cabaran sepuluh surah seperti surah Hu:d dan satu surah seperti dalam surah Yu:nus dan surah al-Baqaraṭ. Susunan peringkat-peringkat ini tidak mengikut susunan surah mengikut waktu penurunan.<sup>28</sup>

<sup>28</sup> Lihat pandangan-pandangan ini sebagai contoh dalam : al-Suyuṭiyy (2000), *op.cit.*, j. 2, hal. 229, al-Qaṭṭān (1990), *op.cit.*, hal. 260, 'Abba:s (1991), *op.cit.*, hal. 32-33. Muslim (1996), *op.cit.*, hal. 37-38, Sa:bir (1997), *op.cit.*, hal. 19-20., 'Abd al-'Azi:z (2007), *op.cit.*, hal. 36.

(b) Pandangan kedua yang mengulas peringkat-peringkat penurunan mengikut waktu penurunan. Ini merupakan pandangan Riḍa:.. Beliau melihat cabaran dengan satu surah adalah sebelum sepuluh surah dengan alasan surah Yu:nus turun sebelum surah Hu:d. Riḍa: berpendapat cabaran dalam surah al-Ṭu:r, Yu:nus dan Hu:d kepada penduduk Mekah manakala ayat surah al-Baqaraṭ kepada orang Yahudi. Menurutnya cabaran dalam surah Yu:nus dan Hu:d adalah cabaran membawa berita seperti kisah para Nabi dengan kaum mereka. Cabaran supaya mendatangkan sepuluh surah bermaksud cabaran mendatangkan sepuluh surah yang mengandungi kisah-kisah dengan pelbagai uslub tetapi sama dari segi balaghah. Hujah beliau ialah analisis yang dijalankan olehnya terhadap surah-surah yang mengandungi kisah-kisah yang panjang sehingga turunnya surah Hu:d, maka surah Hu:d adalah yang kesepuluh lalu mereka dicabar mendatangkan sepuluh surah seperti yang terdapat dalam surah-surah tersebut.<sup>29</sup>

(c) Pandangan ketiga yang menolak pandangan pertama dan kedua. Pandangan ini dipelopori oleh Quṭb, Sayyid, al-Kha:lidiyy dan al-Ru:miyy. Hujah golongan ini ialah walaupun susunan peringkat-peringkat ini rasional tetapi susunan ini memerlukan riwayat yang sahih dari sahabat yang menyaksikan penurunan ayat. Golongan yang mengatakan bahawa cabaran ini berperingkat-peringkat tidak mempunyai dalil, maka pandangan ini adalah pandangan yang lemah.<sup>30</sup>

Quṭb, Sayyid telah membidas ulasan yang tidak kukuh yang diberikan oleh Riḍa: dengan hujah susunan ayat dari segi penurunannya tidak semestinya mengikut susunan penurunan sesuatu surah. Terdapat ayat yang turun lebih awal atau kemudian dari surah secara keseluruhannya tetapi fakta ini perlu disokong dengan dalil.<sup>31</sup>

---

<sup>29</sup> Riḍa(1993), *op.cit.*, j. 1, hal. 193-194.

<sup>30</sup> al-Kha:lidiyy (2000), *op.cit.*, hal. 61.

<sup>31</sup> Quṭb, Sayyid (1996), *op.cit.*, j. 1, hal. 1861.

Al-Ru:miyy pula menolak pandangan golongan pertama dan kedua dengan hujah tahap i'jaz al-Qur'an adalah sama kerana mendatangkan satu surah bukanlah lebih mudah dari sepuluh surah kerana cabaran bukanlah dengan kuantiti sebaliknya dengan kualiti. Ketidakmampuan mendatangkan satu surah sama dengan ketidakmampuan mendatangkan sepuluh surah, justeru perselisihan dari segi waktu penurunan tidak timbul.<sup>32</sup>

Kesimpulan dari keempat-empat surah yang menyentuh tentang cabaran, orang kafir tidak mampu menandingi al-Qur'an keseluruhannya, mahupun sepuluh surah atau satu surah dan mereka sekali-kali tidak dapat mendatangkan sesuatu yang setanding dengannya. Ketidakmampuan mereka mendatangkan al-Qur'an sama ada dari segi kualiti mahupun kuantiti menjadi bukti al-Qur'an sebagai kalamullah dan bukannya hasil ciptaan manusia atau mana-mana makhluk, juga menjadi dalil kerasulan Muhammad (s.a.w). Kelemahan mereka juga menjadi dalil al-Qur'an melemahkan mereka dan sesiapa yang menentangnya dan ini dinamakan i'jaz al-Qur'a:n.

### **3.4 Sejarah Perkembangan Kajian I'jaz al-Qur'a:n**

Perbincangan berkaitan i'jaz al-Qur'a:n berkembang dari al-Qur'an yang menjadi dalil kenabian kepada satu disiplin ilmu yang diajar seperti disiplin ilmu-ilmu Islam yang lain. Diskusi mengenai i'jaz al-Qur'a:n mendapat tempat di kalangan tokoh penulis silam dan kontemporari tanpa mengira aliran dan pemikiran mereka. Terdapat pelbagai aliran muncul dalam kajian i'jaz al-Qur'a:n seperti aliran muktazilah, aliran ahli kalam, aliran tafsir dan aliran sastera. Kepelbagaian aliran ini menimbulkan pelbagai pandangan berhubung i'jaz al-Qur'an. Perkembangan tersebut menyebabkan

---

<sup>32</sup> al-Ru:miyy (2007), *op.cit.*, hal. 296.

perpustakaan umat Islam dipenuhi dengan limpahan karya dalam disiplin ilmu i'jaz al-Quran. Antara tokoh awal yang menjadi pencetus kepada terbentuknya disiplin ilmu i'jaz ialah al-Fara'hidiyy (m 173H), Sibawayh (m 180H), al-Sya:fi'iy (m 204H), Abu: 'Ubaydaṭ Ma'mar bin al-Muthanna: (m 209H), al-Farra:' (m 207H), al-Aṣma:' iyy (m 216H), al-Ja:ḥiẓ (m 255H), Ibn Quṭaybaṭ (m 276H) dan Ibn al-Mu'ta:z (m 269H).<sup>33</sup> Kronologi perkembangan i'jaz akan diperincikan selepas ini.

Berdasarkan penelitian, perkembangan i'jaz boleh dibahagikan kepada beberapa tahap:

### 3.4.1 I'jaz al-Qur'a:n Pada Zaman Awal Islam

Perutusan Nabi (s.a.w) dengan al-Qur'an yang diturunkan dalam bahasa Arab dalam suasana masyarakat Arab yang terkenal dengan kefasihan mereka sama ada dalam syair dan prosa menjadi satu kejutan. Pasar seni 'Ukka:z yang menjadi pusat pertemuan para penyair dan ahli bahasa dikejutkan dengan kedatangan al-Qur'an yang tidak mampu ditandingi oleh manusia. Beberapa ahli bahasa dari kalangan penyair dan pemidato memeluk Islam kerana kagum dengan ketinggian bahasa al-Qur'an seperti Labi:d bin Rabi'aṭ al-Ami:riyy, Ka'ab bin Zuhayr, Ḥassan bin Tha:bit dan Ani:s al-Ghifa:riyy.<sup>34</sup> Ani:s al-Ghifa:riyy yang merupakan seorang penyair membuat ulasan berhubung al-Qur'an setelah diminta oleh saudara kandungnya Abu Zar untuk menyelidik mengenai Nabi Muhammad (s.a.w). Menurutnyanya:

شَاعِرٌ كَأَهْلِهِ قَوْلُهُمْ لَقَدْ سَمِعْتُ قَوْلَ الْكَهَنَةِ فَمَا هُوَ بِقَوْلِهِمْ وَلَقَدْ وَضَعْتُ قَوْلَهُ  
عَلَى أَقْرَاءِ الشُّعْرِ فَمَا يَلْتَمُّ عَلَيَّ لِسَانَ أَحَدٍ بَعْدِي أَنَّهُ شِعْرٌ وَاللَّهِ إِنَّهُ لَصَادِقٌ وَإِنَّهُمْ  
لَكَاذِبُونَ

<sup>33</sup> 'Abba:s (1991), *op.cit.*, hal. 37.

<sup>34</sup> Itir (1993), *op.cit.*, hal. 200.



“Mereka mendakwa beliau seorang penyair, tukang tilik dan tukang sihir. Aku telah mendengar kata-kata tukang tilik, ia bukan kata-kata tukang tilik, aku membandingkannya dengan penyair yang hebat tetapi ia tidak setanding dengan syair-syair mereka, demi Allah sesungguhnya beliau adalah benar dan mereka telah berdusta.”<sup>35</sup>

Begitu juga kisah Abu Sufyan, Abu Jahal dan al-Akhnas bin Syuraiq yang mengiktiraf ketinggian bahasa al-Qur’an selepas mencuri dengar bacaan Nabi (s.a.w) di Ka’bah selama tiga malam berturut-turut meskipun mereka berjanji sesama sendiri untuk tidak melakukannya kerana bimbang akan mempengaruhi pemuda-pemuda Quraisy.<sup>36</sup>

Golongan Quraisy yang mendengar al-Qur’an cuba menyongsang dan mengubahnya berdasarkan kepintaran mereka dalam puisi dan prosa. Namun mereka tidak juga menemui sebarang ruang untuk menandinginya, bahkan terpukau sebagaimana yang berlaku kepada al-Wali:d bin al-Mughi:raṭ, seorang penyair agung jahiliyah. Kisah al-Mughi:raṭ dicatat di dalam surah al-Muddaththir.<sup>37</sup> Firman Allah (s.w.t):

إِنَّهُ فَكَّرَ وَقَدَّرَ (18) فَقَتَلَ كَيْفَ قَدَّرَ (19) ثُمَّ قَاتَلَ كَيْفَ قَدَّرَ (20) ثُمَّ نَظَرَ (21)  
 ثُمَّ عَبَسَ وَبَسَرَ (22) ثُمَّ أَدْبَرَ وَاسْتَكْبَرَ (23) فَقَالَ إِنَّ هَذَا إِلَّا سِحْرٌ مُّؤْتَرٌ (24) إِنَّ  
 هَذَا إِلَّا قَوْلُ الْبَشَرِ (25)

Kerana sesungguhnya ia telah memikirkan dan mereka-reka berbagai tuduhan terhadap al-Qur’an (18) Maka binasalah dia hendaknya! Bagaimanakah dia berani mereka-reka (yang demikian)? (19) Sekali lagi: binasalah dia hendaknya! Bagaimana ia berani mereka-reka (tuduhan-tuduhan itu)? (20) Kemudian ia merenung dan memikirkan (berkali-kali: jalan-jalan mencaci al-Qur’an, tetapi ia gagal).(21) Setelah itu ia memasamkan mukanya serta ia bertambah masam berkerut (22) Kemudian ia berpaling (dari kebenaran) dan berlaku

<sup>35</sup> Hadith riwayat Muslim, Kita:b Faḍa’il al-Ṣaḥa:baṭ, Ba:b Faḍa’il Abi: Dha:rr, no. hadith 2474.

<sup>36</sup> Ibn Kathi:r (1994), *op.cit.*, j. 2, hal. 112, Ibn Hisya:m (t.t), j. 1, hal. 315, Haziyah (2002), *op.cit.*, hal. 18, Zarzu:r (2005), *op.cit.*, hal. 468.

<sup>37</sup> Lihat peristiwa ini dalam al-Ḥaki:m , *al-Mustadrak* <sup>Ala: al-Ṣaḥi:ḥayn</sup>, j. 2, hal. 507, katanya: Hadith ini mengikut syarat al-Bukha:riyy dan dipersetujui oleh al-Dhahabiyy, Ibn Kathi:r (1987), *op.cit.*, j. 3, hal. 60, al-Bayhaqiyy (1988), *op.cit.*, j. 1, hal. 556.

sombong angkuh (23) serta ia berkata: " (Al-Qur'an) ini tidak lain hanyalah sihir yang dituntut serta dipelajari (dari ahli-ahlinya) (24)  
"Ini tidak lain hanyalah kata-kata (rekaan) manusia!(25)  
Surah al-Muddaththir (74):18-25.

Daripada fakta ini dapatlah penulis membuat kesimpulan bahawa golongan sasterawan Arab yang memiliki tahap bahasa yang tinggi, mengiktiraf ketinggian al-Qur'an sama ada pengikut mahupun musuh. Keadaan ini berterusan pada zaman Rasul (s.a.w), zaman khulafa' al-Rasyidin dan kerajaan Bani Umayyah. Fakta menunjukkan pengiktirafan terhadap ketinggian bahasa al-Qur'an wujud sejak zaman penurunan al-Qur'an, cuma ia belum terbentuk sebagai satu disiplin ilmu sama seperti ilmu-ilmu lain sama ada yang berkaitan al-Qur'an, hadith mahupun ilmu-ilmu Islam yang lain. Menurut al-'Ak ilmu-ilmu berkaitan dengan al-Qur'an belum dicatat pada zaman awal Islam disebabkan dua faktor:

- (a) Penumpuan para sahabat untuk menghafaz al-Qur'an.
- (b) Rasul (s.a.w) melarang para sahabat menulis selain al-Qur'an. Sepanjang tempoh ini perintah mencatat adalah hanya pada ayat-ayat al-Qur'an.<sup>38</sup>

Pada masa ini, para sahabat sentiasa menghadiri halakah-halakah ilmu yang disampaikan oleh Rasulullah (s.a.w) dan sekiranya timbul permasalahan mereka terus merujuk kepada Rasulullah (s.a.w). Begitu juga pada zaman sahabat tidak banyak masalah timbul kerana mereka masih hampir dengan Rasulullah (s.a.w) dan ramai di kalangan sahabat yang alim dalam bidang al-Qur'an.<sup>39</sup>

---

<sup>38</sup> al-'Ak (1994), *op.cit.*, hal. 33.

<sup>39</sup> Ibid.

### 3.4.2 Peringkat Kajian Balaghah al-Qur'an Dan Kemunculan Istilah I'jaz.

Kemunculan ilmu i'jaz adalah hasil daripada penulisan ilmu-ilmu lain yang berkaitan al-Qur'an. Ilmu-ilmu tersebut mula berkembang seiring dengan penulisan tafsir al-Qur'an.<sup>40</sup> Walaupun pembentukan ilmu i'jaz al-Qur'a:n agak lewat berbanding ilmu-ilmu al-Qur'an yang lain seperti tafsir, asba:b nuzu:l dan na:sikh mansu:kh, namun asas kepada pembentukan disiplin i'jaz bermula dengan terhasilnya karya-karya terawal berkaitan bahasa al-Qur'an yang berkisar tentang pengertian perkataan. Antara karya tersebut ialah Maja:z al-Qur'a:n oleh Abu: 'Ubaydaṭ Ma'mar bin al-Muthanna: (m 209H), Ma'a:ni: al-Qur'a:n oleh al-Farra:' (m 207H) dan Sa'i:d bin Mas'adaṭ al-Akhfasy (m 215H).<sup>41</sup>

Sarjana-sarjana ini mula membincangkan beberapa topik balaghah secara tidak langsung seperti i'jaz dan iṭna:b, pendepanan dan pengakhiran (taqdi:m ta'khi:r), gaya bahasa soalan (istifha:m), penggunaan kata kerja kala lampau (ma:diyy) di tempat kata kerja kala kini (muḍa:ri'), maja:z, perumpamaan (tasybi:h), isti'araṭ, kiasan (kinayaṭ) dan fa:ṣilaṭ Qur'a:niyyaṭ.<sup>42</sup> Perbincangan topik-topik berkaitan balaghah menjadi telah rujukan dan membuka jalan kepada tokoh-tokoh yang datang kemudian dalam menulis i'jaz al-Qur'a:n. Namun begitu istilah i'jaz belum muncul sehinggalah pada pertengahan kurun ke-3H.

<sup>40</sup> Fauzi Deraman dan Mustaffa Abdullah (2006), *op.cit.*, hal.7.

<sup>41</sup> 'Abba:s(1991), *op.cit.*, hal. 37, Haziyah (2002) *op.cit.*, hal. 24-25.

<sup>42</sup> Lihat: (1) Abu: 'Ubaydaṭ, Ma'mar bin al-Muthanna: (1954), sunt. Muḥammad Fu'a:d Sazki:n, *Maja:z al-Qur'a:n*, TTP: al-Khanjiyy, 'Arafaṭ (1985), *op.cit.*, hal. 103-118, (2) al-Farra:', Abu: Zakariyya: Yaḥya: bin Ziya:d bin Manṣu:r al-Daylamiyy (1955), *Ma'a:ni: al-Qur'a:n*, Kaherah: Maṭba'aṭ Da:r al-Kutub al-Miṣri:yyah li al-Ta'li:f wa al-Tarjamaṭ, 'Arafaṭ (1985), *op.cit.*, hal. 120-137.

Antara persoalan berhubung pertumbuhan disiplin ilmu i'jaz al-Qur'a:n ialah siapakah tokoh pertama menggunakan istilah i'jaz al-Qur'a:n. Berasaskan analisis yang dijalankan oleh penulis, kajian tidak dapat memastikan siapakah orang yang pertama menggunakan istilah i'jaz al-Qur'a:n. Fakta yang jelas, istilah ini digunakan kira-kira pertengahan kurun ke-3H kerana buku yang sampai kepada kita berjudul al-Di:n wa al-Dawlat fi: Ithba:t Nubuwwat Muhammad Şalla Allah 'Alayhi wa Salla:m yang dihasilkan oleh 'Aliyy bin Rabn al-Ṭabariyy (m 247H) menggunakan perkataan (a:yaṭ) ketika membincangkan bukti-bukti kenabian (mukjizat) dan tidak menggunakan perkataan i'jaz atau mukjizat .<sup>43</sup>

Pada kurun ke-3H, istilah i'jaz dan persoalan-persoalan berkaitan i'jaz al-Qur'a:n mula menjadi perbincangan di kalangan intelektual Islam. Perbincangan awal berkaitan i'jaz al-Qur'a:n menjadi perbincangan tokoh-tokoh muktazilah seperti Ibra:him bin Sayya:r al-Nazza:m (m 220H) dan pelajarnya al-Ja:hiḏ (m 255H). Persoalan i'jaz juga mendapat tempat di kalangan ulama sunni seperti Ibn Qutaybat (m 276H).<sup>44</sup> Perbincangan berkaitan i'jaz al-Qur'a:n pada waktu ini mendapat tempat di kalangan pakar bahasa, sastera dan balaghah, ahli tafsir dan ulama kalam.<sup>45</sup>

---

<sup>43</sup> Sebagai contoh beliau menamakan bab tiga buku ini sebagai Ayat al-Nabiyy Şalla Allah 'Alayhi wa Salla:m allati: Raddaha ahl al-Kita:b dan dalam bab keenam semasa membincangkan tentang Nabi tidak tahu membaca sebagai tanda kenabian beliau menyebut: “ wa Min A:ya:t al-Nabiyy Şalla Allah 'Alayh wa Salla:m Hadha al-Qur'a:n” **Lihat:** al-Ṭabariyy, 'Aliyy bin Rabn (t.t), *op.cit.*, hal. 35 dan 50.

<sup>44</sup> 'Abba:s (1991), *op.cit.*, hal. 38.

<sup>45</sup> al-Kha:lidiyy (1992), *op.cit.*, hal. 104.

Al-Nazẓa:m telah membawa doktrin *ṣarfāt*<sup>46</sup> dan *i'jāz* berhubung perkara-perkara ghaib. Pandangan al-Nazẓa:m telah ditolak oleh muridnya sendiri iaitu al-Ja:ḥiẓ. Manakala pandangan al-Ja:ḥiẓ tentang *i'jāz* al-Qur'a:n tidak dinukilkan dalam karya yang khusus, sebaliknya ditulis secara tidak tersusun dalam karyanya al-Baya:n wa al-Tabyi:n dan al-Ḥayawa:n. Beliau juga menyebut ada menulis kitab tentang nazm al-Qur'an membincangkan gaya bahasa al-Qur'an akan tetapi kitab ini tidak sampai kepada kita.<sup>47</sup>

Ibn Qutaybat̃ pula membincangkan *i'jāz* al-Qur'a:n di awal kitabnya *Ta'wi:l Musykil al-Qur'a:n*. Menurutnya *i'jāz* al-Qur'a:n adalah pada keindahan penulisannya dan konstruknya yang menakjubkan. Kecantikan bahasa al-Qur'an terserlah melalui bunyi hurufnya yang menyebabkan pembaca tidak jemu membacanya. *I'jāz* al-Qur'a:n juga mengandungi makna yang berkekalan dan ilmu-ilmu yang di luar batasan kemampuan manusia. *I'jāz* al-Qur'a:n juga pada balaghahnya yang tinggi, gambaran yang mendalam dengan gaya bahasa yang menakjubkan. Al-Qur'an mengumpulkan pelbagai makna dalam kata yang ringkas.<sup>48</sup>

---

<sup>46</sup> Doktrin *ṣarfāt* merupakan pandangan yang cuba menafikan *i'jāz* al-Qur'a:n dari aspek balaghah. *Ṣarfāt* bermaksud manusia terhalang dari menentang al-Qur'an. Doktrin ini diasaskan oleh Ibn Sayyār al-Nazẓa:m (m 220H) yang bermazhab muktazilah dan disokong oleh sarjana-sarjana seperti al-Syari:f al-Murtaḍa: (m 355H) dari kalangan muktazilah. al-Aṣfaha:niyy (m 425H), al-Mawardiyy (m 450H), Ibn Ḥazm al-Za:hiriyy (m 456H), al-Juwayniyy (m 478H), al-Ghazaliyy (m 505H) dari kalangan ulama sunni dan Ibn Sina:n al-Khafa:jiyy (m 466H) dari kalangan syiah. Pandangan ini telah dibidas oleh sarjana awal *i'jāz* seperti al-Khaṭṭa:biyy, al-Ba:qilla:niyy dan al-Jurjaniyy. **Lihat:** al-Ba:qilla:niyy (1963), *op.cit.*, hal. 42, al-Ra:fi' iyy (1990), *op.cit.*, hal. 144, 'Abba:s (1991), *op.cit.*, hal. 38, al-Khaṭṭabiyy (1991), *op.cit.*, hal. 20, Ṭir(1993), *op.cit.*, hal. 203, Ḥamma:r (1998), *op.cit.*, hal. 69-74, al-'Asy'ariyy (1999), *op.cit.*, j. 1, hal. 371, Haziyah (2002), *op.cit.*, hal. 76-78, al-Jurja:niyy (2004), *op.cit.*, hal. 611-622, M.Nur Kholis Setiawan (2005), *op.cit.*, hal. 257.

<sup>47</sup> al-Kha:lidiyy (2001), *op.cit.*, hal. 83.

<sup>48</sup> Ibn Qutaybat̃ (1954), *op.cit.*, hal. 3.

### 3.4.3 Peringkat Pembukuan Dan Zaman Kegemilangan

Para sarjana seperti al-Ra:fi'iy, Sulṭa:n, Zaghlul Sala:m, al-Kha:lidiyy, Muslim dan al-Ru:miyy berpendapat bahawa orang pertama menulis tentang i'jaz al-Qur'a:n secara sistematik dalam sebuah buku ialah Muḥammad bin Yazid al-Wa:siṭiy (m 306H). Beliau seorang yang berpegang dengan doktrin muktazilah. Al-Wa:siṭiy telah menulis karya berjudul i'jaz al-Qur'a:n.<sup>49</sup> Al-Ra:fi'iy dalam karyanya menyebut bahawa al-Wa:siṭiy memetik dan merujuk kepada karya al-Ja:ḥiz yang berjudul Nazm al-Qur'a:n. Pandangan al-Wa:siṭiy telah dikupas oleh al-Jurja:niyy dalam dua buah buku, satu daripadanya berjudul al-Mu'tadad.<sup>50</sup>

Pandangan ini dipersoalkan oleh beberapa sarjana dan pengkaji seperti al-Ḥimṣiy, 'Abba:s dan Haziyaḥ. al-Ḥimṣiy mempertikai kenyataan al-Ra:fi'iy sedangkan al-Ra:fi'iy tidak pernah melihat karya al-Wa:siṭiy. Apakah asas untuk menyatakan al-Wa:siṭiy orang pertama menulis secara sistematik mengenai i'jaz al-Qur'a:n?<sup>51</sup>

Menurut 'Abba:s, agak sukar untuk memastikan kebenaran fakta ini kerana ketiga-tiga kitab iaitu kitab I'jaz al-Qur'a:n oleh al-Wa:siṭiy dan huraianya oleh al-Jurja:niyy tidak ada dalam khazanah perpustakaan. Hasil garapan al-Jurja:niyy (m 471H) yang sampai kepada kita iaitu Dala'il al-I'jaz dan Risa:lat al-Sya:fiyaṭ tidak menyebut langsung tentang kitab al-Wa:siṭiy dan huraianya.<sup>52</sup>

---

<sup>49</sup> al-Ra:fi'iy (1990), *op.cit.*, hal. 152, Sulṭa:n (1991), *op.cit.*, hal. 50, al-Kha:lidiyy(1992), *op.cit.* hal. 106, Muslim (2005), *op.cit.*, hal. 48, al-Ru:miyy (2007), *op.cit.*, hal. 259.

<sup>50</sup> al-Ra:fi'iy (1990), *Ibid.*

<sup>51</sup> al-Ḥimṣiy(1980), *op.cit.*, hal. 62.

<sup>52</sup> 'Abba:s (1991), *op.cit.*, hal. 41.

Haziyah menolak pandangan yang meletakkan al-Wa:siṭiyy sebagai perintis kepada gerakan awal kemunculan i'ja:z al-Qur'a:n dengan hujah kedua-dua buah karya Nazm al-Qur'a:n dan i'ja:z al-Qur'a:n tidak ada dalam khazanah ilmu malah isu ini tidak dibincangkan oleh sarjana-sarjana lebih awal seperti al-Suyu:ṭiyy (m 911H). Justeru sukar untuk memastikan kebenaran fakta ini.<sup>53</sup>

Penulis ingin memperbetul fakta ini kerana karya al-Wa:siṭiyy telah disebut lebih awal daripada al-Suyu:ṭiyy seperti Ibn Nadi:m (m 438H), Ibn Khallika:n (m 681H) dan al-Subkiyy (m 771H). Ketiga-tiga tokoh di atas menyebut bahawa al-Wa:siṭiyy menulis kitab berjudul i'ja:z al-Qur'a:n.<sup>54</sup> Fakta di atas boleh menjadi asas kepada kewujudan karya al-Wa:siṭiyy kerana jarak antara zaman Ibn Nadi:m (m 438H) dan al-Wa:siṭiyy (m 306H) tidaklah terlalu jauh. Namun sepanjang penelitian yang dijalankan oleh penulis, penulis tidak berjumpa sebarang karya yang menukikan semula pandangan al-Wa:siṭiyy. Bukti yang boleh menjadi sandaran hanyalah kenyataan “al-Wa:siṭiyy penulis kitab i'ja:z al-Qur'a:n” yang disebut oleh Ibn Nadi:m dan Ibn Khallika:n serta al-Subkiyy yang menyatakan al-Jurja:niyy menulis Syarḥ al-Ṣaghi:r menghuraikan kitab al-Wa:siṭiyy.<sup>55</sup>

Selepas al-Wa:siṭiyy, pengajian i'ja:z telah berkembang sedikit demi sedikit sehingga mencapai tahap kegemilangan pada kurun ke-4H hingga pertengahan kurun ke-6H oleh tokoh-tokoh seperti al-Khaṭṭa:biyy, al-Ba:qilla:niyy dan al-Jurja:niyy daripada kalangan ulama sunni. Al-Rumma:niyy, 'Abd al-Jabba:r dan al-Zamakhshariyy daripada kalangan muktazilah. Tokoh-tokoh ini menghasilkan karya menggunakan judul i'ja:z al-Qur'a:n. Al-Rumma:niyy menulis al-Nukat fi: i'ja:z al-Qur'a:n, al-

---

<sup>53</sup> Haziyah (2002), *op.cit.*, hal. 27-28.

<sup>54</sup> Ibn Khallika:n (t.t), *op.cit.*, j. 1, hal. 30-31, Ibn al-Nadi:m (1991), *op.cit.*, hal. 132, al-Subkiyy (1999), *op.cit.*, j. 5, hal. 150.

<sup>55</sup> Ibid.

Khattā:biyy menggarap Baya:n I'ja:z al-Qur'a:n manakala al-Ba:qilla:niyy menukilkan ideanya dalam i'ja:z al-Qur'a:n. Kemuncak kepada kegemilangan disiplin ilmu i'ja:z al-Qur'a:n ialah teori konstruksi (nazm) yang disempurnakan oleh al-Jurja:niyy melalui karya ulungnya Dala:il al-i'ja:z. Pemikiran al-Jurja:niyy kemudiannya diaplikasikan oleh al-Zamakhshariyy melalui tafsir al-Kasysya:f.

Penulis sependapat dengan sarjana lain yang melihat zaman ini merupakan zaman kegemilangan i'ja:z kerana menjadi satu kemestian intelektual yang menulis tentang i'ja:z menyebut dan merujuk kepada pandangan tokoh-tokoh yang telah disebut oleh penulis sepanjang tempoh ini.

#### **3.4.4 Zaman Penghuraian I'ja:z al-Qur'a:n**

Seperti yang disebut oleh penulis, disiplin i'ja:z al-Qur'a:n mencapai kegemilangan sehingga kurun ke-6H dan selepas ini para sarjana menghuraikan teori i'ja:z al-Qur'a:n yang telah ditulis oleh sarjana-sarjana sebelumnya. Situasi ini bermula pada kurun ke-6 H sehingga pertengahan kurun ke-13H. Beberapa sarjana seperti Sulṭa:n, al-Kha:lidiyy, 'Abba:s dan Haziyyah berpendapat selepas al-Zamakhshariyy sehinggalah kepada pertengahan kurun ke-13H merupakan zaman kebekuan i'ja:z al-Qur'a:n. Menurut mereka, walaupun sepanjang tempoh ini terdapat ramai penulis, namun mutu dan keasliannya semakin kurang. Karya-karya yang dihasilkan lebih bersifat taklid dan bergantung sepenuhnya kepada karya-karya ilmuan terdahulu.<sup>56</sup>

---

<sup>56</sup> Sulṭa:n, (1991), *op.cit.*, hal. 40, 'Abba:s (1991), *op.cit.*, hal. 86, Haziyyah (2002), *op.cit.*, hal. 35.



Menurut 'Abba:s penulis-penulis yang datang sepanjang tempoh ini tidak membuat penambahan dan hanya menghasilkan karya yang menerangkan atau meringkaskan idea yang ditulis oleh tokoh-tokoh sebelum mereka.<sup>57</sup>

Penulis kurang bersetuju dengan pandangan ini kerana beberapa sarjana sepanjang tempoh ini mengemukakan idea-idea dan dapatan baru berhubung i'jaz al-Qur'a:n. Penulis mendapati penulis-penulis moden berhubung balaghah dan i'jaz al-Qur'a:n banyak merujuk kepada pandangan-pandangan sarjana-sarjana seperti al-Ra:ziyy (m 606H), al-Saka:kiyy (m 626H), al-Suyu:tiyy (m 911H), al-Zarkasyiyy (m 794H), al-Qazwi:niyy dan al-Alu:siyy (m 1270H). Sebahagian penulis menyebut pandangan sarjana-sarjana sepanjang tempoh ini dengan menyatakan rujukannya. Sebahagian yang lain tidak menyebut sumber dan apabila dianalisis pandangan tersebut telah disebut oleh sarjana-sarjana sepanjang tempoh ini.

Berdasarkan penelitian terdapat beberapa hasil penulisan sepanjang tempoh ini yang dikira berkualiti mengikut pandangan penulis. Antaranya:

(a) al-Zarka:siyy, Badr al-Di:n (m 794H) dengan karya ulungnya al-Burha:n fi: 'Ulu:m al-Qur'a:n. Beliau menyentuh dalam karyanya ini tentang karya-karya yang ditulis dalam bidang i'jaz al-Qur'a:n, huraian kepada ayat-ayat cabaran diikuti dimensi i'jaz al-Qur'a:n. Penelitian juga mendapati 80 peratus daripada karya ini adalah membincangkan tentang gaya bahasa dan keindahan bahasa al-Qur'an.

(b) Al-Suyu:tiyy (m 911H) pula membincangkan i'jaz al-Qur'a:n dalam dua hasil pena beliau, al-Itqa:n fi: 'Ulu:m al-Qur'a:n dan Mu'tarak al-Aqra:n fi: i'jaz al-Qur'a:n. Al-Sayu:tiyy berperanan mengumpul penulisan sarjana-sarjana sebelumnya sesuai dengan jolokan yang diberikan kepadanya sebagai tokoh ensiklopedia.

---

<sup>57</sup> 'Abba:s (1991), *ibid*.

(c) al-Alu:siyy, Syiha:b al-Di:n (m 1270H) dengan tafsirnya Ru:h al-Ma'a:niyy fi: Tafsi:r al-Qur'a:n al-' Azi:m wa Sab' al-Matha:niyy. Dalam muqaddimah tafsirnya beliau menyebut dimensi i'ja:z al-Qur'a:n yang menjadi kupasan para ulama dan menolak pandangan beberapa ilmuan seperti al-Ja:hi:z yang berfahaman muktazilah.<sup>58</sup> Selain itu, tafsir ini kaya dengan persoalan balaghah termasuklah ilmu ma'a:ni: yang menjadi asas kepada i'ja:z al-Qur'a:n.

Ringkasnya selain daripada tokoh-tokoh yang disebut, antara penulis yang memberi sumbangan antara kurun ke-7H sehingga awal kurun ke-14H ialah al-Zamlaka:niyy, 'Abd al-Wa:hid bin 'Abd al-Qa:sim (m 727H), Ibn Taymiyya (m 728H), al-Aṣfaha:niyy (m 749H), Ibn Qayyim al-Jawziyya (m 751H), Ibn Kathi:r (m 774H), Ibn Khaldu:n (m 808H), Ibn Kama:l Ba:sya: (m 938H), al-'Ima:diyy, Abu: al-Sa'u:d (m 951H), al-Khafa:jiyy (m 1069H) dan al-Shawka:niyy (m 1250H).<sup>59</sup>

### 3.4.5 Kajian Zaman Moden

Gerakan menghidupkan semangat mendalami i'ja:z al-Qur'a:n pada zaman moden dirintis oleh Muḥammad 'Abduh (m 1323H/1905M). Beliau berperanan dalam memberi nafas baru kepada ilmu tafsir, ulum al-Qur'an, ilmu yang berkaitan bahasa dan balaghah al-Qur'an. Usahanya terserlah melalui halakah khas tentang kitab Dala'il al-I'ja:z dan Asra:r al-Bala:ghaṭ selain kuliah tafsir di Ja:mi' al-Azhar. Usaha yang dijalankan oleh Muḥammad 'Abduh memberi kesan kepada sarjana-sarjana selepasnya.<sup>60</sup> Kesan daripada kesedaran yang ditimbulkan oleh Muḥammad 'Abduh,

<sup>58</sup> al-Alu:siyy (2001), *op.cit.*, j. 1, hal. 28-29.

<sup>59</sup> al-Ḥimṣiyy (1980), *op.cit.*, hal. 99-215.

<sup>60</sup> 'Abba:s (1991), *op.cit.*, hal. 89, 'Abba:s (2007 c), *op.cit.*, hal. 28.

maka lahirlah tokoh-tokoh dalam kajian i'jaz al-Qur'a:n pada abad ke-19 dan ke-20 seperti al-Ra:fi'iy, Muṣṭafa: Ṣa:diq (m 1356H) dan Darra:z (m 1377H).

Al-Ra:fi'iy (m 1937M) merupakan penulis moden pertama yang menulis berhubung i'jaz al-Qur'a:n dalam buku yang khusus iaitu melalui karyanya I'jaz al-Qur'a:n wa al-Bala:ghaṭ al-Nabawiyat. Persoalan utama yang menjadi perbincangan al-Rafi'iy dalam karya ini ialah i'jaz baya:niyy yang terserlah melalui gaya bahasa al-Qur'an, nazm al-Qur'an dan rentak bunyi al-Qur'an. Keindahan nazm al-Qur'a:n menurut al-Rafi'iy dapat dilihat melalui penggunaan huruf dan intonasinya, perkataan dan huruf-hurufnya serta struktur ayat dan perkataannya. Ketiga-tiga unsur ini menjadi pelengkap kepada i'jaz al-Qur'a:n.

Darra:z (m 1377H) pula mengarang al-Naba:' al-Azi:m Nazara:t Jadi:daṭ fi: al-Qur'a:n. Melalui karya ini, beliau membincangkan tentang sumber al-Qur'an dan i'jaz al-Qur'a:n. Beliau membahagikan i'jaz al-Qur'a:n kepada tiga dimensi iaitu aspek bahasa, ilmiah dan pensyariatan. Beliau membuat ulasan panjang tentang aspek bahasa tetapi tidak sempat menyelesaikannya kerana meninggal dunia.

Quṭb, Sayyid (m 1386H) pula mengemukakan pemikiran baru dalam i'jaz al-Qur'a:n melalui teori taṣwi:r fanniyy (seni penggambaran artistik) yang menemukan unsur-unsur keindahan artistik dalam al-Qur'an. Teori tersebut digarap dalam karyanya al-Taṣwi:r al-Fanniyy fi: al-Qur'a:n. Selain itu penemuan Quṭb, Sayyid tentang aspek-aspek balaghah al-Qur'an terdapat dalam tafsirnya fi: Zila:l al-Qur'a:n.

Bint al-Sya:ti:', 'A:isyat 'Abd Raḥma:n mengabadikan ideanya dalam dua buah buku iaitu al-I'jaz al-Baya:niyy li al-Qur'a:n wa Masa'il Na:fi' bin al-Azraq dan al-

Tafsi:r al-Baya:niyy li al-Qur'a:n. Perbincangan beliau berkaitan i'ja:z al-Qur'a:n dijelaskan dalam buku pertama dengan menghuraikan tiga bentuk i'ja:z baya:niyy iaitu rahsia pemilihan huruf, rahsia perkataan al-Qur'an dan rahsia stailistik dan interpretasi al-Qur'an.

Tuntasnya kurun ke-14 dan ke-15 H menyaksikan kebangkitan ilmu dengan kemunculan para ulama dan tokoh-tokoh yang dikira cemerlang ditambah dengan kajian-kajian ilmiah yang membincangkan tentang i'ja:z al-Qur'a:n secara khusus. Penulisan tentang i'ja:z al-Qur'a:n pada kurun ke-14 dan 15H tertumpu kepada dua dimensi i'ja:z al-Qur'a:n iaitu:-

- (a) I'ja:z baya:niyy yang dipelopori oleh tokoh-tokoh seperti al-Rafi'iy (m 1356H), Darra:z (m 1377H), Sayyid Quṭb (m 1386H), Ami:n al-Khu:liyy, al-Zarqa:niyy, 'A:'isyah 'Abd al-Raḥman bint al-Sya:ṭi', Aḥmad Badawiyy, Muḥammad ' Abd al-Kha:liq Uḍaymaṭ dan al-Sya' ra:wiyy.<sup>61</sup> Antara tokoh terkini dalam bidang ini ialah al-Muṭ'aniyy, Muṣṭafa: Muslim, al-Bu:ṭiyy, al-Samarra:iyy, Muḥammad al-Khuḍar, La:si:n, ' Abba:s (m 2011M), al-Kha:lidiyy, Syukriyy dan Abu: Mu:sa:.
- (b) I'ja:z ilmiah. Antara tokoh terkini yang dianggap cemerlang dalam bidang ini ialah al-Najja:r, Muhammad 'Aliyy Barr dan Harun Yahya.

Selain dimensi i'ja:z baya:niyy dan i'ja:z ilmiah, dimensi-dimensi i'ja:z yang lain seperti i'ja:z psikologi, i'ja:z penggunaan angka ('adadiyy) dan i'ja:z pensyariatan turut menjadi perbincangan sarjana-sarjana moden. Perbincangan sarjana-sarjana ini akan dibincangkan semasa penulis membincangkan dimensi-dimensi i' ja:z.

---

<sup>61</sup> al-Kha:lidiyy (1992), *op.cit.*, hal. 22.

Daripada aspek yang lain, i'jaz al-Qur'a:n terus mendapat perhatian dengan penawaran subjek i'jaz al-Qur'a:n di pusat-pusat pengajian tinggi di Timur Tengah. Begitu juga kajian-kajian ilmiah terkini sama ada dalam bentuk disertasi dan tesis di peringkat sarjana dan kedoktoran, kajian-kajian dalam jurnal, seminar-seminar berkaitan i'jaz al-Qur'a:n sehingga tertubuhnya pertubuhan-pertubuhan yang bertanggungjawab berfungsi memberi perhatian terhadap i'jaz al-Qur'a:n seperti jawatankuasa i'jaz ilmiah di dalam al-Qur'an dan al-Sunnah, di Majlis Tertinggi Hal Ehwal Islam Mesir.<sup>62</sup>

Pada zaman ledakan teknologi maklumat, i'jaz al-Qur'a:n juga turut mendapat tempat di laman web yang khusus. I'jaz al-Qur'a:n juga menjadi perbincangan dalam ruangan forum di internet yang mendapat sambutan daripada intelektual yang berpengkhususan dalam bidang i'jaz al-Qur'a:n.

Kesimpulan daripada perbincangan ini, dapat penulis merumuskan bahawa istilah i'jaz al-Qur'a:n muncul pada kurun ke-3H dan terus berkembang dan mencapai tahap kegemilangan antara kurun ke-4 hingga kurun ke-6H. I'jaz al-Qur'a:n terus berkembang sehingga awal kurun ke-14H . Pada kurun ke-14H sehingga ke saat penulisan tesis ini, i'jaz al-Qur'a:n melalui tahap kegemilangan kedua bermula dengan pembaharuan yang dicetuskan oleh Muḥammad 'Abduh.

---

<sup>62</sup> Zaghlul (2006), *op.cit.*, hal. 82-90.

### **3.5 Dimensi-dimensi I'ja:z al-Qur'a:n**

Terdapat banyak pendapat yang diberi oleh intelektual Islam tentang dimensi i'ja:z al-Qur'a:n. Sebahagian sarjana membataskan i'ja:z al-Qur'a:n pada bahasa sahaja, manakala majoriti sarjana berpendapat i'ja:z al-Qur'a:n datang dalam pelbagai dimensi. Seperti yang dibincangkan sebelum ini, i'ja:z al-Qur'a:n berkembang daripada dalil kebenaran kenabian pada zaman awal Islam. I'ja:z al-Qur'a:n terus berkembang sebagai kajian balaghah al-Qur'an kemudian tersebar kepada dimensi i'ja:z yang lain seperti perkara-perkara ghaib, i'ja:z pensyariatan, i'ja:z ilmiah, i'ja:z psikologi dan lain-lain lagi.

Golongan yang berpegang bahawa i'ja:z al-Qur'a:n pada bahasa berpendapat inilah satu-satunya dimensi i'ja:z al-Qur'a:n yang menjadi cabaran kepada manusia yang meraguinya. Adapun dimensi-dimensi yang lain hanyalah bukti-bukti yang menunjukkan kebenaran al-Qur'an dari Allah. Justeru itu penulis dalam bab ini akan menganalisis pandangan-pandangan tentang apakah dimensi sebenar i'ja:z al-Qur'a:n?

#### **3.5.1 Pandangan Ulama Tentang Kepelbagaian Dimensi I'ja:z**

Secara keseluruhan para sarjana Islam terbahagi kepada dua kelompok berhubung penonjolan dimensi-dimensi baru bagi i'ja:z al-Qur'a:n:

a) Kelompok pertama terdiri daripada para sarjana yang membataskan i'ja:z al-Qur'a:n pada bahasa sahaja. Golongan ini berpandangan bahawa dimensi selain bahasa tidak termasuk dalam i'ja:z al-Qur'a:n tetapi sebagai bukti kebenaran al-Qur'an daripada

Allah (s.w.t). Antara sarjana yang berpegang kepada pandangan ini ialah al-Ra:ziyy (m 606H), al-Saka:kiyy (m 626H), Maḥmu:d Sya:kir, ‘Abd ‘al-Azi:m al-Muṭ‘aniyy, ‘Adna:n Zarzu:r, ‘Amma:r; Aḥmad Sayyi:d Muḥammad, al-Kha:lidiyy dan al-Maja:liyy.<sup>63</sup>

Al-Saka:kiyy menyebut dalam Miftaḥ al-‘Ulu:m beberapa dimensi i’ja:z yang pernah diutarakan oleh para sarjana, iaitu ṣarfāt, gaya yang istimewa, tiada percanggahan dan terkandung dalamnya perkara-perkara ghaib. Beliau menolak dimensi-dimensi ini dan menyebut bahawa dimensi i’ja:z adalah pada balaghah dan faṣaḥāt. Dimensi ini tidak dapat dicapai melainkan dengan menghayati nilai estetika atau citarasa (dhauq) melalui ilmu balaghah.<sup>64</sup>

Maḥmu:d Sya:kir pula membuat perbandingan antara i’ja:z al-Qur’a:n dengan bukti-bukti kenabian. Beliau melihat elemen cabaran dalam i’ja:z al-Qur’a:n yang ditujukan kepada golongan bukan Islam ialah cabaran daripada segi bahasa dan balaghah dan bukannya aspek-aspek perkara ghaib, ilmiah dan pensyariatan. Aspek-aspek ini menjadi bukti-bukti kebenaran Nabi tetapi tidak mencabar orang-orang bukan Islam.<sup>65</sup> Pandangan Maḥmu:d Sya:kir disokong oleh tokoh-tokoh selepasnya seperti al-Muṭ‘aniyy, Zarzu:r dan al-Kha:lidiyy. Penulis-penulis ini mengemukakan hujah mereka dan menyokong pandangan Maḥmu:d Sya:kir.

Al-Muṭ‘aniyy merumuskan dimensi i’ja:z dalam karyanya berjudul Khaṣa:iṣ al-Ta’bi:r fi: al-Qur’a:n al-Kari:m wa Sima:tuh al-Bala:ghiyyat kepada empat iaitu ṣarfāt, i’ja:z pensyariatan, i’ja:z ilmiah dan i’ja:z baya:niyy. Beliau menolak doktrin ṣarfāt dan

---

<sup>63</sup> al-Ra:ziyy (1985), *op.cit.*, hal. 237, al-Saka:kiyy (2000), *op.cit.*, hal. 148-150, Ma:lik bin Nabiyy (1980), *op.cit.*, hal. 24-26, al-Muṭ‘aniyy (1992b), *op.cit.*, j. 1, hal. 54, Zarzu:r (1995), *op.cit.*, hal. 153, ‘Amma:r (1998), *op.cit.*, hal. 97, al-Kha:lidiyy (2000), *op.cit.*, hal. 109-111, al-Maja:liyy (2005), *op.cit.*, hal. 113.

<sup>64</sup> al-Saka:kiyy (2000), *op.cit.*, hal. 247.

<sup>65</sup> Pandangan ini dinukilkan oleh Maḥmu:d Sya:kir semasa menulis kata pengantar dalam karya Ma:lik bin Nabiyy berjudul al-Ṭa:hirat al-Qur’a:niyyat. Ma:lik bin Nabiyy (1980), *op.cit.*, hal. 24-26.

menerima pensyariatan dan ilmiah sebagai bukti-bukti kebenaran. Menurutnya i'jaz sebenar dari segi istilah ialah i'jaz yang mempunyai elemen cabaran iaitu i'jaz baya:niyy ada:biyy.<sup>66</sup>

Zarzu:r, 'Adna:n mengemukakan persoalan tentang apakah dimensi sebenar bagi i'jaz al-Qur'a:n, adakah pada balaghahnya atau kerana keistimewaan kandungan berkaitan perkara-perkara ghaib, pensyariatan yang luar biasa di bumi Mekah pada zaman Nabi (s.a.w)?<sup>67</sup> Menurut Zarzu:r dimensi-demensi lain merupakan dalil-dalil kenabian dan tidak wajar diistilahkan sebagai i'jaz kerana i'jaz mestilah beserta dengan cabaran. Al-Qur'an tidak mencabar jin dan manusia dengan kandungan al-Qur'an berupa syariat, fakta-fakta ilmiah atau perkara-perkara ghaib.<sup>68</sup>

Al-Kha:lidiyy pula mengaplikasikan teori i'jaz hanya pada aspek bahasa dalam karyanya yang berjudul I'jaz al-Qur'a:n al-Baya:niyy wa Dala:'il Maşdarih al-Rabba:niyy. Judul yang diberikan oleh beliau jelas menunjukkan beliau melihat i'jaz al-Qur'a:n dalam aspek balaghah, manakala dimensi-dimensi lain seperti berita-berita ghaib, fakta-fakta ilmiah, pensyariatan dan huraian tentang psikologi adalah menjadi bukti al-Qur'an datang dari Allah (s.w.t).

b) Kelompok kedua pula berpandangan bahawa i'jaz terdiri dari pelbagai dimensi. Antara sarjana yang berpegang dengan pandangan ini ialah al-Zarkasyiyy, Ibn Qayyim al-Jawziyyat, al-Alu:siyy, Abu: Zuhraṭ dan 'Abba:s.

---

<sup>66</sup> al-Muṭ'aniyy (1992), *op.cit.*, hal. 136.

<sup>67</sup> Zarzu:r (1995), *op.cit.*, hal. 153.

<sup>68</sup> Zarzu:r (2005), *op.cit.*, hal. 474.



Al-Zarkasyiyy membuat ulasan semasa menyebut dimensi i'ja:z yang ke-12 bahawa pandangan yang diakui kesahihannya ialah i'ja:z berlaku dalam dimensi-dimensi yang disebut dan bukannya dimensi yang tertentu sahaja.<sup>69</sup>

Al-Alu:siyy pula menyebut: "Jawapan yang terlintas di hati hamba yang fakir ini ialah al-Qur'an secara keseluruhannya atau sebahagiannya adalah mu'jiz sama ada dari dimensi konstruksi, balaghah, berita-berita ghaib, ketepatan fakta-fakta ilmiah. Kesemua dimensi ini dapat dibuktikan dalam satu ayat..."<sup>70</sup>

Abu: Zuhraṭ membahagikan dimensi i'ja:z kepada dua kategori; pertama dimensi i'ja:z baya:niyy yang ditujukan kepada orang Arab yang merupakan manusia yang paling tahu tentang i'ja:z dari segi bahasa dan balaghah, dan kedua ialah i'ja:z dari segi kandungan yang meliputi perkara-perkara ghaib, ilmiah, pensyariatan. I'ja:z jenis ini untuk semua generasi serta memerlukan kepada huraian yang panjang.<sup>71</sup>

### 3.5.2 Hujah-hujah

#### (a) Hujah i'ja:z al-Qur'a:n pada bahasa sahaja

Antara hujah yang digunakan oleh golongan yang membataskan i'ja:z al-Qur'a:n pada bahasa sahaja ialah ayat 13 surah Hu:d. Firman Allah (s.w.t):

أَمْ يَقُولُونَ أَفْتَرْنَا قُلُوبًا فَآتَاوَا بَعْشَرَ سُورِ مَثَلِهِ مُفْتَرِيَاتٍ وَأَدْعُوا مَنْ أَسْتَطَعْتُمْ  
مِّنْ دُونِ اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ ﴿١٣﴾

"Bahkan mereka menuduh dengan mengatakan: "Ia (Muhammad) yang mereka-reka al-Qur'an itu! "Katakanlah (Wahai Muhammad): "(Jika demikian tuduhan kamu), maka cubalah buat serta datangkan sepuluh surah rekaan yang sebanding dengan al-Qur'an itu, dan

<sup>69</sup> al-Zarkasyiyy (1994), *op.cit.*, j. 2, hal. 237.

<sup>70</sup> al-A:lu:siyy (2001), *op.cit.*, j. 1, hal. 28.

<sup>71</sup> Abu: Zuhraṭ (1970), *op.cit.* hal. 78.

panggillah siapa sahaja yang kamu sanggup memanggilnya, yang lain dari Allah, jika betul kamu orang-orang yang benar".

Ayat ini menuntut daripada orang kafir untuk mendatangkan sepuluh surah yang sama dari aspek gubahan dan gaya bahasa walaupun direka-reka. Ayat ini tidak meminta daripada mereka mendatangkan kandungan yang serupa dengan al-Qur'an. Sekiranya topik yang menjadi cabaran ialah aspek kebenaran sejarah, sains atau pensyariatan maka tidak perlu disebut perkataan *Mufтарыa:t*. Al-Qur'an tidak meminta daripada mereka membawa fakta-fakta sejarah atau sains sebaliknya mencabar mereka mendatangkan sepuluh surah yang setanding dengan al-Qur'an dari aspek bahasa dan balaghah.<sup>72</sup>

(b) Hujah i'ja:z al-Qur'a:n pada pelbagai dimensi

Antara hujah yang digunakan oleh golongan yang melihat kepelbagaian dimensi i'ja:z adalah berdasarkan ayat-ayat taḥaddi: (cabaran). Ayat-ayat tersebut seperti dalam surah al-Ṭu:r (52): 33-34, surah Hu:d (11): 13-14 dan surah Yu:nus (10): 37-39 yang merupakan ayat-ayat Makkiyyah serta surah al-Baqaraṭ (2): 23-24 yang terdiri dari ayat Madaniyyah (Lihat tafsiran ayat-ayat ini dalam sub topik 3.3). Ayat-ayat dalam tiga surah Makkiyyah ditujukan kepada orang Arab, manakala ayat dalam surah al-Baqaraṭ ditujukan kepada manusia keseluruhannya. Fakta ini adalah berasaskan konteks (siya:q) surah al-Baqaraṭ yang menunjukkan ia ditujukan kepada seluruh manusia.

Firman Allah (s.w.t):

يَأْتِيَا النَّاسُ أَعْبُدُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ وَالَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ (21)  
الَّذِي جَعَلَ لَكُمْ الْأَرْضَ فَرَشًا وَالسَّمَاءَ بِنَاءً وَأَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَخْرَجَ بِهِ

<sup>72</sup> al-Kha:lidiyy (2000), *op.cit.*, hal.110.

مِنَ الثَّمَرَاتِ رِزْقًا لَّكُمْ ۖ فَلَا تَجْعَلُوا لِلَّهِ أُندَادًا وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ (22) وَإِنْ كُنْتُمْ  
 فِي رَيْبٍ مِّمَّا نَزَّلْنَا عَلَىٰ عَبْدِنَا فَأْتُوا بِسُورَةٍ مِّثْلِهِ ...

“**Wahai sekalian manusia!** Beribadatlah kepada Tuhan kamu yang telah menciptakan kamu dan orang-orang yang terdahulu daripada kamu, supaya kamu (menjadi orang-orang yang) bertaqwa. Dialah yang menjadikan bumi ini untuk kamu sebagai hamparan, dan langit (serta segala isinya) sebagai bangunan (yang dibina dengan kukuhnya); dan diturunkan-Nya air hujan dari langit, lalu dikeluarkan-Nya dengan air itu berjenis-jenis buah-buahan yang menjadi rezeki bagi kamu; maka janganlah kamu mengadakan bagi Allah, sebarang sekutu, padahal kamu semua mengetahui (bahawa Allah ialah Tuhan Yang Maha Esa). Dan kalau kamu ada menaruh syak tentang apa yang Kami turunkan (al-Qur’an) kepada hamba Kami (Muhammad), maka cubalah buat dan **datangkanlah satu surah yang sebanding dengan al-Qur’an itu...**”  
 Surah al-Baqaraṭ (2):21-23

Jika dibandingkan gaya ayat dalam surah al-Baqaraṭ dengan ayat dalam surah-surah Makkiah, iaitu dalam surah al-Ṭu:r فَلَيَأْتُوا بِحَدِيثٍ مِّثْلِهِ, dalam surah Hu:d فَأْتُوا بِعَشْرِ سُورٍ مِّثْلِهِ dan dalam surah Yu:nus فَأْتُوا بِسُورَةٍ مِّثْلِهِ, terdapat tambahan partikel مِنْ sebelum مِّثْلِهِ dalam surah al-Baqaraṭ. Partikel min dalam ayat ini adalah مِنَ التَّبَعِيَّةِ yang menunjukkan cabaran adalah untuk manusia keseluruhannya dan ia menunjukkan makna yang berbeza berbanding dengan ayat dalam surah-surah Makkiah.<sup>73</sup>

Manakala hujah akal yang digunakan oleh golongan ini ialah sekiranya i‘ja:z dibataskan pada bahasanya sahaja, maka i‘ja:z terhad pada kaum yang tertentu sahaja dan orang bukan Arab boleh mengatakan bahawa balaghah dan faṣaḥaṭ tidak berkaitan dengan mereka dengan alasan mereka tidak bertutur dalam bahasa Arab.<sup>74</sup>

<sup>73</sup> ‘Abba:s (1991), *op.cit.*, hal. 32-33.

<sup>74</sup> Ibn Qayyi:m al-Jawziyyaṭ (t.t), hal. 250, ‘Abba:s (1991), *op.cit.*, hal. 33.

### 3.5.3 Perbincangan

Ayat 13 dalam surah Hu:d yang dijadikan hujah oleh golongan yang berpandangan bahawa i'ja:z al-Qur'a:n pada bahasa sahaja tidak kuat. Ini kerana hujah dengan ayat 13 yang mencabar orang yang menentang al-Qur'an daripada aspek gaya bahasa tidak bermakna manusia tidak dicabar mendatangkan kandungan yang serupa dengan al-Qur'an. Ayat yang mencabar manusia mendatangkan kandungan yang serupa dengan al-Qur'an adalah ayat 23 surah al-Baqaraṭ seperti yang dipegang oleh golongan yang melihat kepelbagaian dimensi i'ja:z al-Qur'a:n. Justeru, pandangan yang kuat pada pandangan penulis ialah i'ja:z al-Qur'a:n datang dalam pelbagai dimensi, tanpa menafikan satu-satunya dimensi yang terdapat pada setiap ayat ialah i'ja:z baya:niyy.

### 3.6 I'ja:z Baya:niyy

Dimensi yang dianggap paling istimewa dalam i'ja:z al-Qur'a:n ialah i'ja:z baya:niyy. Ini kerana dimensi ini meliputi keseluruhan al-Qur'an. I'ja:z baya:niyy merupakan dimensi paling lengkap meliputi setiap surah, ayat, perkataan dan partikel. Dimensi-dimensi i'ja:z yang lain hanya pada ayat-ayat tertentu. I'ja:z baya:niyy dapat dibuktikan melalui penggunaan huruf-huruf muqatta'at iaitu huruf-huruf abjad yang menjadi permulaan bagi sesuatu surah.<sup>75</sup> Huruf muqatta'at menjadi bukti i'ja:z al-

---

<sup>75</sup> Terdapat beberapa istilah lain yang digunakan oleh sarjana untuk merujuk kepada huruf muqatta'at seperti huruf hijaiyyat dalam al-Qur'a:n, huruf nu:ra:niyyat dalam al-Qur'an, huruf mu'jam di permulaan surah. Terdapat dua puluh sembilan surah di dalam al-Qur'an yang bermula dengan huruf. Bilangan huruf tersebut ialah antara satu huruf sehingga enam huruf. Terdapat beberapa karya dan kajian yang ditulis berkaitan huruf muqatta'at iaitu:

(a) Al-Kha:dimiy (1985), *al-Huru:f al-Muqatta'at fi: Awa:il al-Suwa:r*, sunt. Fathiy al-Dajniyy, Kuwait: Maktabat al-Fala:h.

(b) Al-Ru:miyy (1997), *Wuju:h al-Taḥaddiy wa al-I'ja:z fi: al-Aḥruf al-Muqatta'at fi: Awa:il al-Suwa:r*, Riyadh: Maktabat al-Tawbaṭ.

(c) Al-Ruwayniyy (1999), *Min Isyraqa:t Huru:f al-Muqatta'at*, Ṭanta: Maṭa:bi' Ghabba:siyy.

(d) Abu: Ṣa'i:lik, Sulayma:n 'Awdaṭ (2002), *al-Huruf al-Muqatta'at fi: Awa:il al-Suwa:r fi: al-Qur'a:n al-Kari:m: Tafsi:ra:, Luḡaṭ, Fra:ba: wa Madhhaba:*, tesis M.A, Kuliyyat A:da:b, Qism al-Luḡaṭ al-'Arabiyat wa A:da:biha:, Universiti Yarmouk, Jordan.

Qur'a:n dan cabaran kepada manusia yang menentangnya untuk menandingi al-Qur'an.<sup>76</sup> Huruf-huruf ini disebut sebagai hujah ke atas golongan yang menentang al-Qur'an. Al-Qur'an mencabar mereka untuk mendatangkan sesuatu yang setanding dengan al-Qur'an. Huruf-huruf ini disebut untuk menarik perhatian orang-orang Arab bahawa al-Qur'an terdiri dari huruf-huruf ini dan mereka pula orang yang fasih bertutur dalam bahasa Arab. Mereka dicabar membawa sesuatu yang menyamai al-Qur'an untuk tetapi mereka tidak mampu. Ini menunjukkan al-Qur'an datang dari sisi Allah (s.w.t) dan bukannya ciptaan manusia.

I'ja:z baya:niyy juga dapat dibuktikan melalui penggunaan kata tugas (huruf ma'a:ni:) seperti penyebutan dan pengguguran huruf atau penggunaan huruf yang berbeza dalam konteks yang hampir sama. Contoh i'ja:z baya:niyy dalam penggunaan kata tugas ialah penggunaan partikel 'atf <sup>ثم</sup> dan ف dalam ayat berikut:

Allah (s.w.t) berfirman:

قُتِلَ الْإِنْسَانُ مَا أَكْفَرَهُ، (17) مِنْ أَيِّ شَيْءٍ خَلَقَهُ، (18) مِنْ نُطْفَةٍ خَلَقَهُ فَقَدَرَهُ،  
 (19) ثُمَّ السَّبِيلَ يَسْرُهُ، (20) ثُمَّ أَمَاتَهُ فَأَقْبَرَهُ، (21) ثُمَّ إِذَا شَاءَ أَنْشَرَهُ، (22)

Binasalah hendaknya manusia (yang ingkar itu), betapa besar kekufurannya? (Tidakkah ia memikirkan) daripada apakah ia diciptakan oleh Allah. Dari air mani diciptakan-Nya serta dilengkapi keadaanya dengan persediaan untuk bertanggungjawab.

(e) Ab Aziz Abdullah (2002), *Penggunaan al-ḥu:ruf al-muqatta'at di awal surah dan kaitannya dengan kandungan surah al-Qur'an: Satu Analisis*, Disertasi M.M.L.S, Fakulti Bahasa dan Linguistik, UM.

(f) Faḍl 'Abba:s, Ṣa:lih (2003), *al-Ḥuruf al-Muqatta'at fi: Awa'il Suwa:r*, Tesis M.A, al-Ja:mi' at al-Naja:h al-Waṭaniyyat, Palestin.

(g) Al-Qalqi:liyy (2004), *Min Nawa:ḥiyy al-I'ja:z al-Qur'a:niyyat Dha:t al-Ḥuru:f (Nu:n, Ṣa:d, Qa:f, Ya:si:n)*, Amman: Da:r 'Ammar.

(h) Al-Faitiriyy (2008), *al-Ḥuru:f al-Muqatta'at fi: al-Qur'a:n al-Kari:m : Dira:saṭ Istiqra:'iyyat Taḥliliyyat*, tesis M.A di Kuliah Ilmu Wahyu dan Kemanusiaan, UIAM.

<sup>76</sup> Antara mereka yang berpegang dengan pandangan ini ialah al-Ba:qilla:niyy, al-'Ima:diyy, Ibn Kathi:r, Ibn Ṭaymiah, al-Ra:ziyy, Sayyid Quṭb, Wahbaṭ al-Zuhailyy, al-Sya'ra:wiyy, al-Kha:lidiyy dan al-Ru:miyy. **Lihat:** al-Ba:qilla:niyy (1963), *op.cit.*, hal. 44, al-'Ima:diyy (1990), *op.cit.*, j. 1, hal. 21, Riḍa (1993), j. 1, hal. 122, Ibn Kathi:r (1994), *op.cit.*, j. 1, hal. 151, al-Zuhailyy (1998), *op.cit.*, j. 3-4, hal. 146, al-Sya'rawiyy (1998), *op.cit.*, j. 1, hal. 103, al-Kha:lidiyy (2001), *op.cit.*, hal. 124, al-Ru:miyy (2007), *op.cit.*, hal. 441.

Kemudian jalan (baik dan jahat) dimudahkan Tuhan kepadanya (untuk menimbang dan mengambil mana satu yang ia pilih). Kemudian dimatikannya lalu diperintahkan supaya ia dikuburkan; Kemudian apabila Allah hendaki, dibangkitkannya (hidup semula).

Surah 'Abasa (80): 17-22

Ayat  $\text{مِنْ أَيِّ نُطْفَةٍ خَلَقَهُ}$  datang tanpa huruf 'atf  $\text{وَ}$  kerana ia menjawab persoalan  $\text{مِنْ أَيِّ نُطْفَةٍ خَلَقَهُ}$ . Kemudian disambung dengan huruf 'atf  $\text{فَ}$  untuk menunjukkan penentuan fasa-fasa kejadian, umur, rezeki dan nasib yang datang selepas penciptaan tanpa ada penangguhan masa. Kemudian ayat  $\text{السَّبِيلَ يَسْرَهُ}$  disambung dengan huruf 'atf  $\text{ثُمَّ}$  yang mengandungi maksud penangguhan dan bukannya serta merta. Huruf 'atf  $\text{ثُمَّ}$  menunjukkan jarak masa yang panjang antara penciptaan dengan kelahiran. Begitu juga dalam ayat 21 disambung dengan huruf 'atf  $\text{ثُمَّ}$  kerana antara kelahiran dengan kematian dan kebangkitan semula mempunyai jarak masa yang sangat jauh. Antara kematian dengan pengkebumian pula disambung dengan huruf 'atf  $\text{فَ}$  yang menunjukkan pengkebumian berlaku sebaik sahaja berlaku kematian. Penggunaan huruf-huruf tersebut jelas sekali bertepatan dengan makna.<sup>77</sup>

I'jaz baya:niyy juga dapat dilihat pada pemilihan kata seperti pemilihan perkataan yang menggunakan huruf yang banyak pada tahap faṣa:haṭ yang tinggi, penyebutan dan pengguguran huruf pada perkataan tertentu pada tempat yang berbeza, tiada perkataan sinonim di dalam al-Qur'an dan penggunaan kata nama maskulin dan feminin dalam konteks yang hampir sama.

I'jaz baya:niyy juga dapat dilihat dalam struktur ayat iaitu melalui gaya bahasa penegasan, penyebutan dan pengguguran, pendepanan dan pengakhiran, ta'ri:f dan tanki:r, faṣl dan waṣl, qaṣr serta i:ja:z dan iṭna:b. I'jaz baya:niyy juga dapat dibuktikan melalui fa:ṣilaṭ qur'aniyyaṭ iaitu pada bentuk-bentuk kesamaan yang terdapat pada akhir

<sup>77</sup> La:si:n (1983), *op.cit.*, hal. 69.

ayat al-Qur'an dan kepelbagaian Qira'at seperti balaghah perbezaan daripada segi titik atau baris pada perkataan tertentu, pendepanan dan pengakhiran, penyebutan dan pengguguran. Perbezaan-perbezaan ini menjadi bukti i'jaz al-Qur'a:n.

### 3.7 I'jaz Perkhabaran Ghaib

I'jaz perkhabaran ghaib ialah berita-berita ghaib yang terdapat dalam al-Qur'an. Dimensi ini tidak memerlukan pengamatan mendalam dari segi bahasa atau cita rasa sastera dan ia dapat difahami oleh orang Arab dan bukan Arab. Antara tokoh-tokoh awal yang mendukung konsep ini ialah al-Nazza:m, al-Rumma:niyy, al-Khatṭa:biyy dan al-Baqilla:niyy.<sup>78</sup> I'jaz perkhabaran ghaib terbahagi kepada tiga bentuk,<sup>79</sup> iaitu:

(i) I'jaz dari dimensi sejarah.

I'jaz dari dimensi sejarah mencakupi berita-berita dan kisah dahulu kala seperti kisah nabi Adam (a.s), Nuh (a.s), Musa (a.s), Isa (a.s) dan lain-lain. Kisah-kisah tersebut dibincangkan secara terperinci dan ia menunjukkan bahawa kisah tersebut bukan hasil rekaan Muhammad (s.a.w). Bagaimana seorang nabi yang tidak tahu membaca dan dilahirkan dalam masyarakat yang buta huruf mengetahui kisah-kisah tersebut?

(ii) Perkara Ghaib Semasa

Perkara ghaib semasa ialah fakta al-Qur'an berhubung perkara-perkara yang tidak dapat dilihat oleh manusia seperti malaikat, jin dan syaitan. Ia termasuk juga

---

<sup>78</sup> al-Baghda:diyy (2000), *op.cit.*, hal. 143, al-Ba:qilla:niyy (1963), *op.cit.*, hal. 48, al-Khatṭa:biyy (1968), *op.cit.*, hal. 21

<sup>79</sup> Lihat perbincangan berkaitan bentuk-bentuk i'jaz perkhabaran ghaib dalam 'Itir (1993), *op.cit.*, hal. 216-219, al-Zarkasyiyy (1994), *op.cit.*, j. 2, hal. 228, 'Amma:r (1998), *op.cit.*, hal. 99-107, al-Aṭṭasy (2007), *op.cit.*, hal. 269-305, al-Ru:miyy (2007), *op.cit.*, hal. 301-304, Ami:r (1983), *op.cit.*, hal. 171-188.

rahsia perancangan jahat orang-orang kafir dan munafik. Perancangan tersebut telah didedahkan oleh al-Qur'an sebelum mereka melaksanakannya.

(iii) Perkhabaran futuristik.

Ia melibatkan kandungan al-Qur'an yang berkaitan peristiwa yang belum berlaku. Peristiwa tersebut menjadi kenyataan selepas itu. Contohnya pemberitahuan berhubung Nabi (s.a.w) akan memasuki Masjidil Haram secara aman bersama orang-orang Islam. Peristiwa ini dinyatakan dalam ayat 27 surah al-Fath. Firman Allah (s.w.t):

لَقَدْ صَدَقَ اللَّهُ رَسُولَهُ الرُّؤْيَا بِالْحَقِّ لَتَدْخُلُنَّ الْمَسْجِدَ الْحَرَامَ إِن شَاءَ اللَّهُ  
ءَامِنِينَ مُخْلِقِينَ رُءُوسِكُمْ وَمُقَصِّرِينَ لَا تَخَافُونَ فَعَلِمَ مَا لَمْ تَعْلَمُوا فَجَعَلَ مِنْ دُونِ  
ذَلِكَ فَتْحًا قَرِيبًا ﴿٢٧﴾

Demi sesungguhnya! Allah tetap menyatakan benar Rasul-Nya dalam perkara mimpi itu dengan kenyataan yang sebenar; iaitu sesungguhnya kamu tetap akan memasuki Masjid Al-Haram - insya Allah (pada masa yang ditentukan-Nya). Dalam keadaan aman (menyempurnakan ibadat umrah kamu) dengan mencukur kepala kamu, dan kalau (tidak pun) menggunting sedikit rambutnya, serta kamu tidak merasa takut (akan pengkhianatan musuh sehingga kamu keluar balik dari situ). (Allah menanggungkan berlakunya kenyataan itu) kerana ia mengetahui (adanya feadah dalam penangguhan itu) yang kamu tidak mengetahuinya; maka ia menyediakan sebelum (terlaksananya mimpi) itu, satu kemenangan yang dekat (masa berlakunya).

Surah al-Fath (48):27

Ayat ini diturunkan selepas perjanjian Hudaibiyah. Riwayat sirah telah membuktikan kebenaran ayat ini apabila Rasul (s.a.w) bersama sahabat memasuki Masjidil Haram dalam peristiwa umrah Qada:' pada bulan Zulkaedah tahun ke-7 hijrah.<sup>80</sup>

<sup>80</sup> al-'Aliyy(1995), *op.cit.*, hal. 375-378.



### 3.8 I'ja:z Ilmiah

I'ja:z ilmiah bermaksud kewujudan fakta ilmiah dalam al-Qur'an. Fakta-fakta ini terbukti kebenarannya melalui kajian-kajian ilmiah yang dijalankan oleh generasi terkemudian. Fakta-fakta ilmiah yang disebut dalam al-Qur'an itu tidak mampu dicapai oleh manusia pada zaman penurunan al-Qur'an.<sup>81</sup>

Para sarjana Islam berselisih pandangan tentang i'ja:z ilmiah. Pandangan tersebut boleh dibahagikan kepada tiga golongan:<sup>82</sup>

(a) Golongan yang berpendapat i'ja:z ilmiah sebagai salah satu dimensi i'ja:z. Antara tokoh terawal yang membincangkan tentang i'ja:z ilmiah ialah al-Ghaza:liyy (m 505H), al-Ra:ziyy (m 606H)<sup>83</sup> dan al-Suyu:tiyy (m 911H).<sup>84</sup> Al-Ghaza:liyy menegaskan dalam kitabnya *Ihya: 'Ulu:m al-Di:n dan Jawa:hir al-Qur'a:n* bahawa kitab suci al-Qur'an mengandungi semua jenis ilmu termasuk ilmu falak, astronomi, perubatan dan ilmu-ilmu yang lain.<sup>85</sup>

Antara sarjana moden yang membincangkan berhubung i'ja:z ilmiah ialah *Ṭaṭṭawiyy Jawhariyy*, *Fikriyy*, *al-Ghamra:wiyy*<sup>86</sup>, *Nawfal*, *al-Zinda:niyy*, *al-Sya'ra:wiyy*<sup>87</sup>, *al-Najja:r* dan lain-lain. *Ṭaṭṭawiyy Jawhariyy* melalui hasil garapannya

---

<sup>81</sup> al-Najja:r (2006), *op.cit.*, hal. 75, al-Zinda:niyy, *Majjalat A:ya:t*, bil. 12, hal.20-21. Definisi al-Zinda:niyy juga disebut oleh al-Kha:lidiyy (1992) dalam *al-Baya:n fi: I'ja:z al-Qur'a:n*, hal. 262. al-Zinda:niyy memasukkan hadith dalam terminologi i'ja:z ilmiah. Penulis lebih cenderung membataskan i'ja:z ilmiah kepada al-Qur'an. Berkaitan fakta-fakta sains yang bertepatan dengan hadith penulis lebih cenderung kepada penggunaan istilah *dala:il al-Nubuwwat* iaitu bukti-bukti kenabian seperti yang dilakukan oleh beberapa sarjana silam seperti al-Bayhaqiyy dan lain-lain. Penulis tidak akan membincangkan polemik tersebut di dalam kajian ini.

<sup>82</sup> Lihat perbincangan mendalam berhubung pandangan-pandangan ini dalam al-Kha:lidiyy (1989), *op.cit.*, hal. 268-269, 'Abba:s (1991), hal. 247-271, 'Ammar (1998), *op.cit.*, hal. 113-118, al-Najja:r (2006), *op.cit.*, hal. 22-64, al-Ru:miyy (2007), *op.cit.*, hal. 317-324.

<sup>83</sup> al-Ra:ziyy (1995), *op.cit.*, j.14, hal. 112-122.

<sup>84</sup> al-Suyu:tiyy (1973), *op.cit.*, j. 2,hal. 129.

<sup>85</sup> al-Ghaza:liyy (1983), *op.cit.*, hal. 247, \_\_\_\_\_ (1992), *op.cit.*, j. 1, hal. 448.

<sup>86</sup> al-Najja:r (2006), *op.cit.*, hal. 11.

<sup>87</sup> al-Kha:lidiyy (1992), *op.cit.*, hal. 61.

al-Jawa:hir fi: Tafsir al-Qur'a:n cuba mentafsirkan al-Qur'an dengan mengaitkannya dengan teori-teori sains.

(b) Golongan yang menolak tafsiran ilmiah dalam al-Qur'an. Antara sarjana yang menolak tafsiran ilmiah dalam al-Qur'an ialah al-Sya:ṭibiyy (m 790H), Abu: Ḥayya:n al-Andalusiyy (m 745H), Ami:n al-Khu:liyy dan Muhammad Syaltu:t.<sup>88</sup> Al-Syaṭibiyy membidas golongan yang mengaitkan al-Qur'an dengan pelbagai ilmu seperti ilmu kejadian alam, ilmu pendidikan, mantiq dan ilmu-ilmu yang lain. Hujah yang digunakan oleh beliau ialah golongan salaf yang terdiri daripada sahabat dan tabi'in dan generasi berikutnya yang arif berhubung al-Qur'an tidak membincangkan ilmu-ilmu ini dalam karya mereka.<sup>89</sup>

Muḥammad Syaltu:t pula menolak tafsiran ilmiah dengan hujah bahawa al-Qur'an tidak diturunkan sebagai kitab ilmiah yang menghuraikan teori ilmiah. Mereka yang mentafsir al-Qur'an dengan teori saintifik menghuraikannya dengan tafsiran yang bertentangan dengan i'ja:z kerana teori-teori tersebut tidak tetap dan boleh berubah.<sup>90</sup>

(c) Golongan yang menolak penggunaan istilah i'ja:z ilmiah. Mereka terdiri daripada sarjana-sarjana moden seperti Sya:kir, Zarzu:r, 'Amma:r<sup>91</sup> dan al-Kha:lidiyy. Golongan ini tidak menolak fakta-fakta ilmiah yang terdapat di dalam al-Qur'an yang menjadi bukti kebenaran al-Qur'an. Al-Kha:lidiyy contohnya menggunakan istilah fakta-fakta ilmiah yang tetap dalam al-Qur'an.<sup>92</sup> Golongan ini membataskan i'ja:z al-Qur'a:n dalam

---

<sup>88</sup> al-Ru:miyy (2007), *op.cit.*, hal. 320, 'Abba:s (1991), *op.cit.*, hal. 250.

<sup>89</sup> al-Sya:ṭibiyy (1997), *op.cit.*, j. 2, hal. 389.

<sup>90</sup> al-Najja:r (2006), *op.cit.*, hal. 30.

<sup>91</sup> Maḥmu:d Sya:kir, *Muqaddimat al-Za:hiraṭ al-Qur'a:niyyaṭ* dalam Ma:lik bin Nabi:yy (1987), *op.cit.*, hal. 28-29, Zarzu:r (1995), *op.cit.*, hal. 153-157, Amma:r (1998), *op.cit.*, hal. 119-120.

<sup>92</sup> al-Kha:lidiyy (2001), *op.cit.*, hal. 388

aspek bahasa sahaja dan hujah-hujah mereka telah penulis sebutkan sebelum ini. ( Lihat sub tajuk 3.5)

Berhubung pandangan-pandangan ini, penulis bersama majoriti sarjana yang berpandangan i'ja:z al-Qur'a:n datang dalam pelbagai dimensi termasuklah i'ja:z ilmiah. Mereka telah meletakkan prinsip-prinsip umum i'ja:z ilmiah iaitu:

- (a) Berpegang bahawa fungsi utama al-Qur'an adalah sebagai kitab hidayah dan bukannya buku sains.
- (b) Memahami nas al-Qur'an berasaskan bahasa Arab mengikut tatabahasa dan gaya bahasa Arab.
- (c) Memahami fakta sains berasaskan konteks ayat.
- (d) Bersandarkan kepada fakta-fakta ilmiah yang jelas dan tidak mentafsirkan al-Qur'an dengan teori ilmiah yang tidak jelas.
- (e) Menjauhkan perbincangan ilmiah yang terlalu mendalam yang tidak membantu dalam memahami i'ja:z ilmiah.
- (f) Berpegang bahawa mustahil fakta al-Qur'an bertentangan dengan fakta ilmiah yang benar.
- (g) Tidak mengkaji aspek-aspek ghaib seperti persoalan roh, malaikat, jin dan sebagainya serta menerima nas yang berkaitan dengan perkara ghaib tanpa sebarang pertikaian.
- (h) Kajian berkaitan fakta-fakta ilmiah hendaklah dijalankan oleh golongan yang mahir dalam sesuatu disiplin ilmu.<sup>93</sup>

---

<sup>93</sup> Lihat syarat-syarat ini dalam 'Abba:s (1991), *op.cit.*, hal. 268, al-Kha:lidiyy (2001), *op.cit.*, hal. 395-396, Muslim (2005), *op.cit.*, hal. 171-176, al-Najja:r (2006), *op.cit.*, hal. 71-76.

Dalam al-Qur'an terdapat hampir seribu ayat yang mengandungi fakta-fakta ilmiah meliputi pelbagai bidang ilmu seperti astronomi, lapisan bumi, cari gali, geografi, pertanian dan botanika, flora dan fauna, fizik, embriologi, pewarisan, pembedahan, nutrisi, kawalan penyakit, psikiatri, sosiologi, metafizik, komunikasi, ekonomi dan lain-lain.<sup>94</sup> Justeru pengkajian tentang fakta-fakta ilmiah yang terdapat dalam al-Qur'an perlu dijalankan pada zaman ini sebagai bukti i'jaz al-Qur'a:n dari dimensi ilmiah.

### 3.9 I'jaz Pencyariatan

I'jaz pencyariatan bermaksud perundangan yang dikemukakan al-Qur'an bukan sahaja sesuai pada masa al-Qur'an diturunkan bahkan sesuai pada setiap masa dan keadaan.<sup>95</sup>

I'jaz pencyariatan merupakan dimensi baru yang menjadi perbincangan sarjana bermula abad yang lalu. Meninjau daripada aspek sejarah, penulis mendapati antara tokoh yang awal menggunakan istilah i'jaz pencyariatan ialah Riḍa: (m 1935M) dan Abu: Zuhraṭ (m 1394H/1974M).<sup>96</sup>

I'jaz al-Qur'a:n daripada dimensi pencyariatan dapat dilihat dalam segenap aspek kehidupan. Mana-mana pengkaji yang melihat secara objektif, akan mendapati perbezaan yang ketara antara syariat Islam berbanding dengan sistem dan ideologi yang dicipta oleh manusia. Aspek-aspek pencyariatan Islam adalah sangat luas dan ia meliputi bidang-bidang berikut:

(a) Ibadat, seperti bersuci, solat, puasa, zakat dan haji.

(b) Muamalat, seperti jual, beli dan sewa.

---

<sup>94</sup> al-Najja:r (2006), *op.cit.*, hal. 10-11.

<sup>95</sup> Ammar Fadzil (2007), *op.cit.*, hal. 166.

<sup>96</sup> Abu: Zuhraṭ (1970), *op.cit.*, hal. 84, Riḍa: (1993), *op.cit.*, j.1, hal. 206-207.

- (c) Kekeluargaan, seperti perkahwinan, perceraian dan penyusunan.
- (d) Jenayah, seperti kesalahan mencuri, merompak dan berzina.
- (e) Hubungan diplomatik, antarabangsa dan lain-lain.<sup>97</sup>

Asas kepada i'ja:z pensyariatian ialah firman Allah (s.w.t):

وَبِالْحَقِّ أَنْزَلْنَاهُ وَبِالْحَقِّ نَزَّلَ وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا مُبَشِّرًا وَنَذِيرًا (105)

“ Dan dengan cara yang sungguh layak serta berhikmat Kami turunkan Al-Qur'an, dan dengan meliputi segala kebenaran ia diturunkan; dan tiadalah Kami mengutusmu (Wahai Muhammad) melainkan sebagai pembawa berita gembira (bagi orang-orang yang beriman) dan pembawa amaran (kepada orang-orang yang ingkar).”

Surah al-Isra: '(17): 105

Menurut 'Abba:s yang dimaksudkan dengan *وَبِالْحَقِّ أَنْزَلْنَاهُ* ialah al-Qur'an adalah kitab yang benar yang diturunkan oleh Allah (s.w.t). Sekiranya al-Qur'an itu turun selain daripada Allah (s.w.t) maka akan berlaku pertentangan dan pertikaian. Frasa *وَبِالْحَقِّ نَزَّلَ* bermaksud segala kandungan al-Quran dari segi fakta, syariat, berita dan kisah-kisahnyanya tidak dapat disangkal kebenarannya, Kebenarannya adalah pada tahap yang paling maksimum serta tidak dapat ditandingi oleh undang-undang lain.<sup>98</sup>

---

<sup>97</sup> Lihat sumber-sumber berikut untuk melihat perbincangan mendalam berkaitan i'ja:z pensyariatian;

- (a) 'Abba:s (1991), *op.cit.*, hal. 291-327. Beliau membawa contoh i'ja:z dalam pensyariatian zakat, sistem perhambaan, harta pusaka dan talak.
- (b) Muslim (2005), *op.cit.*, hal. 233-245. Beliau membincangkan i'ja:z pensyariatian dalam aspek akidah, ibadah dan akhlak.
- (c) Al-'Aysya:t (2005), *al-Īja:z al-Baya:niyy wa al-Tasyri: 'iyy fi: A:ya:t al-Ĥudu:d (al-Ĥira:baṭ, al-Sariqaṭ, al-Zina:, al-Qadhaf, al-Li' a:n*, Tesis M.A, University of Jordan.
- (d) Abu: Ṣa'i:li:k (2006), *al-Īja:z al-Baya:niyy wa al-Tasyri: 'iyy fi: A:yat al-Qaṭl*, Tesis M.A, University of Jordan.
- (e) Al-Aṭra:si (2007), *op.cit.*, hal. 199-220. Beliau membincangkan i'ja:z pensyariatian dalam aspek akidah, ibadah dan akhlak.
- (f) Al-Ru:miyy (2007), *op.cit.*, hal. 326-340. Beliau membincangkan tentang i'ja:z pensyariatian dalam pembentukan individu, keluarga dan masyarakat.
- (g) Abu: Sya:m (2008), *al-Īja:z al-Tasyri: 'iyy wa al-'ilm fi: A:ya:t al-Ta'a:m wa al-Syara:b fi: Su:ratay al-Ma:idaṭ wa al-An'a:m*, Amman: Da:r 'Amma:r.

<sup>98</sup> 'Abba:s (1991), *op.cit.*, hal. 296.

### 3.10 I'ja:z Psikologi

Apakah yang dimaksudkan dengan i'ja:z psikologi? Definisi i'ja:z psikologi tidak pernah diberikan oleh ulama silam walaupun mereka menyentuh berkaitan dimensi ini. Ini kerana mereka mengaitkan i'ja:z psikologi dengan i'ja:z baya:niyy.<sup>99</sup> Terdapat beberapa penulis kontemporari memberikan terminologi i'ja:z psikologi. Antara sarjana tersebut ialah 'Abba:s, Syukri: dan Abu: Sa'u:d.<sup>100</sup> Daripada definisi-definisi yang dikemukakan oleh sarjana-sarjana berkenaan, penulis menyimpulkan bahawa i'ja:z psikologi adalah satu dimensi keberkesanan al-Qur'an terhadap jiwa manusia yang tidak dapat ditandingi oleh manusia walaupun dia seorang yang fasih, ahli sastera, atau ahli psikologi. Mana-mana ucapan tidak mampu menandingi kehebatan al-Qur'an dalam memberi kesan kepada jiwa manusia. Manusia juga tidak dapat menandingi fakta-fakta yang sangat mendalam dalam al-Qur'an tentang psikologi manusia.

Asas kepada i'ja:z psikologi ialah beberapa ayat yang menunjukkan bahawa manusia terkesan apabila membaca atau mendengar al-Qur'an.<sup>101</sup> Salah satu daripada dalil-dalil tersebut ialah firman Allah (s.w.t):

اللَّهُ نَزَلَ أَحْسَنَ الْحَدِيثِ كِتَابًا مُتَشَابِهًا مَثَانِيَ تَقْشَعُرُ مِنْهُ جُلُودُ الَّذِينَ يَخْشَوْنَ  
رَبَّهُمْ ثُمَّ تَلِينُ جُلُودُهُمْ وَقُلُوبُهُمْ إِلَىٰ ذِكْرِ اللَّهِ

”Allah telah menurunkan sebaik-baik perkataan iaitu Kitab suci al-Qur'an yang bersamaan isi kandungannya antara satu dengan yang lain (tentang benarnya dan indahnya), yang berulang-ulang (keterangannya, dengan berbagai cara); yang (oleh kerana mendengarnya atau membacanya) **kulit badan** orang-orang yang takut kepada Tuhan mereka **menjadi seram**; kemudian kulit badan

<sup>99</sup> Abu: Sa'u:d (2005), *op.cit.*, hal. 31.

<sup>100</sup> 'Abba:s (2004), *op.cit.* hal. 330, Abu: Sa'u:d (2005), *op.cit.*, hal. 31, Syukri: (2005), *op.cit.*, hal. 111.

<sup>101</sup> Lihat dalil-dalil dan bukti yang menunjukkan i'ja:z al-Qur'a:n dari dimensi psikologi dalam kajian Abu: al-Sa' u:d (2005), *al-I' ja:z al-Nafsi: fi: al-Qur'a:n al-Kari:m, Dirasat al-Ta'siliyyat*, hal. 49-67.

mereka menjadi lembut serta tenang tenteram hati mereka menerima ajaran dan rahmat Allah. Surah al-Zumar (39): 23

Perkataan *تَقَشَّعِرَ* membawa maksud kulit menjadi seram. Ayat ini menjelaskan perihal orang mukmin yang apabila mendengar ayat al-Qur'an, mereka akan diselubungi dengan perasaan takut sehingga menggeletar kulit mereka dan apabila disebut rahmat Allah, perasaan takut berubah kepada mengharapkan rahmat Allah seperti firman-Nya:

ثُمَّ تَلَيْنُ جُلُودَهُمْ وَقُلُوبُهُمْ إِلَىٰ ذِكْرِ اللَّهِ

“Kemudian menjadi tenang kulit dan hati mereka di waktu mengingat Allah”.<sup>102</sup>

Ayat ini menunjukkan dalil i'ja:z psikologi dalam al-Qur'a:n dan pengaruhnya terhadap jiwa manusia.

I'ja:z psikologi menjadi perbincangan ulama silam dan moden. Antara ulama silam yang menyentuh tentang i'ja:z psikologi ialah al-Khaṭṭā:biyy (m 372H)<sup>103</sup>, al-Rumma:niyy (m 386H)<sup>104</sup> dan al-Jurja:niyy (m 474H)<sup>105</sup>. Manakala dari kalangan ulama moden, ramai yang membincangkan tentang i'ja:z psikologi seperti Muḥammad Rasyi:d Riḍa: (m 1354H)<sup>106</sup>, al-Ra:fi'iyy (m 1356H/1937)<sup>107</sup>, al-Zarqa:niyy (m 1367H/1948M)<sup>108</sup>, Darra:z (m 1377H-1958M)<sup>109</sup>, al-Nursiyy<sup>110</sup>, 'Abd al-Kari:m al-Khaṭi:b (m 1406H/1985M)<sup>111</sup>, al-Sya'ra:wiyy (m 1999M),<sup>112</sup> dan al-Bu:ṭiyy.<sup>113</sup>

<sup>102</sup> al-'Ima:diyy (1990), *op.cit.*, j. 7, hal. 251.

<sup>103</sup> al-Khaṭṭā:biyy (1968), *op.cit.*, hal. 64, Haziyah (2001), *op.cit.*, hal. 65.

<sup>104</sup> al-Rumma:niyy (1968), *op.cit.*, hal. 75.

<sup>105</sup> al-Jurja:niyy (1992), *op.cit.*, hal. 122.

<sup>106</sup> Riḍa: (1979), j.1, *op.cit.*, hal. 26.

<sup>107</sup> al-Ra:fi'iyy (2003), *op.cit.*, hal. 251.

<sup>108</sup> al-Zarqa:niyy (1988), *op.cit.*, j. 2, hal. 434-435.

<sup>109</sup> Darra:z (1984), *op.cit.*, hal. 102-103.

<sup>110</sup> al-Nursiyy (1986), *op.cit.*, hal. 266

<sup>111</sup> al-Khaṭi:b (1975), *op.cit.*, hal. 236-237

<sup>112</sup> al-Sya'ra:wiyy (1998), *op.cit.*, j. 1, hal. 108

<sup>113</sup> al-Bu:ṭiyy (1996), *op.cit.*, hal. 156.

### 3.11 I'ja:z Penggunaan Angka ('Adadiyy)

I'ja:z 'adadiyy bermaksud hubungan antara angka dengan huruf, perkataan, ayat dan surah al-Qur'an. Ia juga menjadi bukti nyata kebenaran al-Qur'an kepada mereka yang meragui kebenarannya. Penggunaan angka dalam al-Qur'an mengatasi kemampuan manusia sepanjang masa.<sup>114</sup>

I'ja:z penggunaan angka merupakan dimensi baru yang menjadi perbincangan sarjana moden. Kajian mendapati tokoh terawal yang membincangkan tentang keserasian dan rahsia penyebutan perkataan al-Qur'an dengan bilangan dalam al-Qur'an ialah al-Nursiyy (m 1960M). Statistik perkiraan tentang perkataan tertentu disebut oleh beliau dalam al-Rasa'il al-Nu:r di bawah topik keserasian lafaz (التَّسَاقُ اللَّفْظِي) dan menjadikannya sebagai salah satu daripada empat puluh dimensi i'ja:z. Namun begitu al-Nursiyy tidak menggunakan istilah i'ja:z 'adadiyy.<sup>115</sup>

Sarjana pertama menggunakan istilah i'ja:z 'adadiyy ialah Nawfal, 'Abd al-Razza:q (m 1984M). Pada tahun 1975 beliau menerbitkan karyanya yang berjudul al-'Ija:z al-'Adadiyy li al-Qur'a:n al-Kari:m yang membincangkan keseimbangan penyebutan perkataan-perkataan yang berlawanan. Selepas Nawfal, timbul pelbagai karya, artikel, ceramah dan laman web<sup>116</sup> membincangkan tentang i'ja:z penggunaan angka.

<sup>114</sup> al-Ka:hil (2007), *op.cit.*, hal. 115, al-Jaidiyy (2007), *op.cit.*, hal.153.

<sup>115</sup> al-Nursiyy (1960), *op.cit.*, hal. 523.

<sup>116</sup> Antara laman-laman tersebut ialah: <http://www.islamnoon.com>, <http://www.alargam.com/index1.htm>



Para sarjana berselisih pandangan tentang istilah i'jaz penggunaan angka ('adadiyy).

(a) Sarjana yang mempertahankan istilah i'jaz 'adadiyy. Antaranya ialah Nawfal (m 1984M), Bassa:m al-Jarra:r, Baha:' al-Bakriyy, 'Abd al-Da'im al-Ka:ḥil, 'Abi:d Sulayma:n al-Jaidiyy, Kha:lid Fa:iq al-'Abidiyy, 'Abdulla:h Julghu:m, al-Sa:marra:iyy dan Faraḥa:t.<sup>117</sup>

(b) Sarjana yang menolak i'jaz 'adadiyy. Antaranya 'Abba:s, al-Ḥimsiyy, Qatnaṭ dan al-Zuhayliyy.<sup>118</sup>

(c) Sarjana yang menerima kehalusan pemilihan angka dan nombor dalam al-Qur'an sebagai i'jaz tetapi mereka menjadikannya sebagai salah satu bentuk i'jaz baya:niyy. Mereka ialah al-Kha:lidiyy, Syukriyy dan Ṣa:liḥ.<sup>119</sup>

Antara contoh kehalusan penggunaan angka ialah penggunaan angka tujuh dalam al-Qur'an. Analisis yang dijalankan oleh 'Abd al-Da:'im al-Ka:ḥil mendapati beberapa bentuk keserasian penggunaan angka tujuh dalam al-Qur'an. Antaranya ialah:

(i) Angka yang pertama sekali disebut dalam al-Qur'an ialah angka tujuh. Firman Allah (s.w.t) :

هُوَ الَّذِي خَلَقَ لَكُمْ مَا فِي الْأَرْضِ جَمِيعًا ثُمَّ أَسْتَوَىٰ إِلَى السَّمَاءِ فَسَوَّاهُنَّ  
سَبْعَ سَمَاوَاتٍ وَهُوَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ ﴿١١﴾

”Dia lah (Allah) yang menjadikan untuk kamu segala yang ada di bumi. Kemudian Dia menuju dengan kehendak-Nya ke arah (bahan-

<sup>117</sup> **Lihat:** al-Jarra:r (1998 ), *Irha:ṣa:t al-Īja:z al-'Adadiyy fi: al-Qur'a:n al-Kari:m*, Palestin: Da:r Nu:n li al-Abḥath wa al-Dira:sa:t al-Qur'a:niyyaṭ, *Bukhuth al-Nadwaṭ al-Tha:niyyaṭ fi: al-Qur'a:n al-Kari:m, al-Īja:z al-'Adadiyy fi: al-Qur'a:n al-Kari:m*, Dubai: Ja:izaṭ Dubay al-Duwaliyaṭ li al-Qur'a:n al-Kari:m, Julghu:m (1994), Asra:r Tarti:b al-Qur'a:n, Amman: Da:r al-Fikr, al-Sa:mirra:iyy (1998), *op.cit.*, hal. 9.

<sup>118</sup> 'Abba:s (1991), *op.cit.*, hal. 350-351, al-Ḥimsiyy (1980), *op.cit.*, hal. 386, Qatnaṭ (1999), *op.cit.*, hal.14-16, 115.

<sup>119</sup> al-Kha:lidiyy (2001), *op.cit.*, hal. 328-337, Faraḥa:t et al, *op.cit.*, hal.386, Ṣa:liḥ (2003), *op.cit.*, hal. 53.

bahan) langit, lalu dijadikannya tujuh langit dengan sempurna; dan ia Maha mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.” Surah al-Baqaraṭ (2): 29.

(ii) Bilangan ayat yang menyebut tujuh langit adalah sebanyak tujuh kali, dalam dua bentuk. Bentuk pertama ialah سَبْعَ سَمَٰوَاتٍ sebanyak lima kali, iaitu dalam surah (al-Baqaraṭ (2): 29, Fuṣṣilat (41): 12, al-Ṭala:q (65): 65, al-Mulk (67): 3, Nuḥ (71): 15-16; dan bentuk kedua السَّمَٰوَاتُ السَّبْعُ sebanyak dua kali iaitu dalam surah al-Isra:’ (17): 44 dan al-Mu’minu:n (23): 86-87.

(iii) Kali terakhir perkataan ’tujuh’ yang merujuk kepada langit disebut ialah dalam surah al-Naba:’. Firman Allah (s.w.t):

وَبَنَيْنَا فَوْقَكُمْ سَبْعًا شِدَادًا ﴿١٢﴾

“Dan Kami telah membina di atas kamu **tujuh** petala (langit) yang kuat kukuh”

Surah al-Naba:’ (78):12

(iv) Jumlah surah yang menyebut angka 7 iaitu bermula dari surah al-Baqaraṭ sehingga surah al-Naba:’ adalah sebanyak 77 surah. Ia merupakan gandaan bagi angka 7 ( $11 \times 7 = 77$ ).

(v) Bilangan ayat bermula surah al-Baqaraṭ ayat 26 sehingga surah al-Naba’, ayat 12 ialah sebanyak 5649. Bilangan ini juga merupakan gandaan kepada angka tujuh ( $7 \times 807 = 5649$ ).

(vi) Bilangan ayat selepas ayat ke 12 dalam surah al-Naba’ adalah sebanyak 28 ayat, juga gandaan 7 ( $7 \times 4 = 28$ ).<sup>120</sup>

Huraian yang diberikan di sini dapat menunjukkan susunan dan keserasian dalam penggunaan angka tujuh dalam al-Qur’an.

<sup>120</sup> al-Ka:ḥil (2007), *op.cit.*, hal.117-124.

### 3.12 Penutup

Bab ini membincangkan konsep i'jaz al-Qur'a:n, perkembangan kajian i'jaz al-Qur'a:n serta dimensi-dimensi i'jaz . Setelah diamati hujah-hujah yang telah dikemukakan oleh pelbagai pihak, penulis lebih cenderung dengan pandangan majoriti pengkaji al-Qur'an, iaitu kitab suci al-Qur'an mempunyai pelbagai dimensi i'jaz. Ini sesuai dengan kedudukan al-Qur'an sebagai kitab yang sesuai bagi sepanjang masa dan semua kaum.

Pada peringkat awal pengkajian tentang i'jaz, kupasan adalah tertumpu kepada aspek balaghah, sedangkan kajian tentang dimensi-dimensi i'jaz yang lain dibincang secara ringkas. Kupasan berkaitan dimensi-dimensi i'jaz terus berkembang sehinggalah terhasilnya karya-karya khusus tentang satu-satu dimensi seperti i'jaz ilmiah, i'jaz psikologi, i'jaz pensyariatan dan i'jaz penggunaan angka ('adadiyy) pada pertengahan abad ke-20M.